

BAB 5

TERAS 3 PEMBENTUKAN KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI

Komuniti yang inklusif dan berdaya huni merupakan indikator utama dalam membentuk negara progresif.

Pembangunan komuniti inklusif (KI) merupakan elemen penting bagi pembentukan negara yang berdaya tahan dan berdaya huni. Teras ini bertujuan memastikan komuniti sejahtera yang terus diperkasa bagi membentuk modal sosial (*social capital*) yang mantap, kukuh dan menyokong pertumbuhan ekonomi serta menjamin kesejahteraan penduduk. Pembangunan komuniti ini mensasarkan komuniti yang inklusif dalam persekitaran yang berkualiti dan berdaya huni serta semangat perpaduan dan keterlibatan komuniti yang dipupuk melalui kolaborasi yang efektif.

Teras ini mempunyai tiga (3) hala tuju strategik dalam membentuk pembangunan komuniti inklusif bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup komuniti setempat

Pembangunan komuniti inklusif dan berdaya huni mempunyai tiga (3) dimensi. Dimensi pertama adalah ke arah pembangunan sosial dengan memastikan setiap lapisan komuniti mempunyai akses kepada keperluan asas termasuklah perumahan, ilmu, pekerjaan dan kemudahan komuniti yang berkualiti. Dimensi kedua adalah komuniti inklusif yang mampu mengembelikan tenaga dan bersatu padu dalam mewujudkan kualiti persekitaran setempat yang aktif, bersih dan selamat serta memastikan kepentingan budaya dan warisan terus diketengahkan dan diperkukuhkan. Dimensi ketiga pula merupakan inisiatif dalam mempergiatkan keterlibatan komuniti dan kolaborasi pelbagai pihak dalam membentuk komuniti yang inklusif dan berdaya huni.

Menjelang tahun 2040, agenda serta sasaran pembangunan negara dan dunia perlu diambil kira agar hala tuju RFN Ke-3 relevan dan seiring dengan perkembangan terkini. Sasaran *Sustainable Development Goals (SDGs)* oleh *United Nation Conference* menjadi landasan bagi sasaran jangka masa yang panjang sementara sasaran Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) merupakan sasaran yang perlu dicapai dalam masa lima (5) tahun akan datang. Selain itu, pembentukan komuniti inklusif turut mensasarkan prestasi terbaik dalam Indeks Pembangunan Manusia di peringkat dunia, Indeks Bandar Kompetitif, Indeks Kebahagiaan Negara dan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Dasar-dasar sektoral negara yang sedia ada turut diambil kira dalam menetapkan sasaran utama pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni.



Persekitaran kehidupan lengkap dan berkualiti, persekitaran komuniti berdaya huni serta keterlibatan dan kolaborasi komuniti adalah penting bagi pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni.

Teras Pembentukan Komuniti Inklusif (KI) dan Berdaya Huni mempunyai tiga (3) hala tuju strategik iaitu:

KI1: Persekitaran Kehidupan Lengkap dan Berkualiti

Keperluan asas komuniti meliputi ruang tempat tinggal yang cukup, selesa dan memenuhi kehendak masyarakat tanpa mengira tahap pendapatan, peringkat umur serta cita rasa. Ruang tempat tinggal bukan sahaja terhad kepada perumahan yang sesuai di lokasi yang sesuai, tetapi juga persekitaran yang lebih berkualiti. Ini membolehkan komuniti setempat mendapatkan akses kepada kemudahan dan pekerjaan dengan mudah dan cepat. Persekitaran kehidupan lengkap dan berkualiti mampu menjana komuniti sejahtera yang merupakan aset penting bagi pembangunan negara.

KI2: Persekitaran Komuniti Berdaya Huni

Pewujudan ruang aktif bagi menggalakkan penglibatan dan integrasi komuniti secara tidak langsung akan memupuk *sense of belonging*, kesepaduan antara pelbagai kaum serta memupuk modal sosial bagi jangka masa panjang. Ini juga dapat dilaksanakan melalui usaha menetengahkan ciri-ciri unik dan identiti kawasan serta pengukuhan elemen-elemen dan kepentingan warisan dan budaya. Persekitaran yang berdaya huni turut mengambil kira persekitaran yang bersih, sihat, selamat dan aman.

KI3: Keterlibatan dan Kolaborasi Komuniti

Kesamarataan, kolaborasi dan penglibatan komuniti penting dalam melaksanakan projek-projek pembangunan serta lain-lain inisiatif sosial dan komuniti. Struktur tadbir urus terutama sekali di peringkat tempatan perlu lebih responsif kepada kehendak serta keperluan komuniti setempat. Maklum balas, indikator dan forum persepsi komuniti merupakan antara instrumen pengukur yang digunakan untuk mengkaji semula perancangan yang telah disediakan.

Kotak 5.1 Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni (*Liveable and Inclusive Communities*)

Komuniti inklusif dan berdaya huni dalam konteks pembangunan spatial merujuk kepada penyediaan persekitaran alam bina, samada bandar atau luar bandar yang memberi akses saksama kepada semua keperluan asas kehidupan dan kemudahan komuniti berkualiti bagi setiap golongan masyarakat. Pembangunan komuniti inklusif dan sejahtera merupakan sasaran pembangunan negara.

TUJUH PERSPEKTIF KOMUNITI INKLUSIF DAN SEJAHTERA

1 Interaktif dan Integrasi

Persekitaran yang menyokong serta menanam semangat kerjasama dan interaksi antara penduduk dan komuniti


2 Kolaborasi

Persekitaran di mana pihak awam dan swasta bersama-sama dalam membentuk kesejahteraan ekonomi dan sosial komuniti

3 Kepelbagaian

Persekitaran yang mendakap kepelbagaian masyarakat dan budaya

Rajah 5.1 Teras Pembangunan Komuniti Inklusif



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

4 Saksama dan Tanpa Halangan

Persekitaran yang memastikan setiap individu dalam komuniti mempunyai akses kepada keperluan asas kehidupan iaitu pekerjaan perumahan, kemudahan komuniti dan kemudahan rekreasi

5 Terbuka dan Sensitif

Persekitaran yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dan sokongan bagi keperluan sosial dan kesihatan penduduk serta sensitif terhadap perubahan dalam keperluan

6 Keterlibatan

Persekitaran yang menggalakkan dan menyokong penglibatan masyarakat dalam pembangunan dan proses membuat keputusan yang mempunyai impak ke atas komuniti keseluruhannya

7 Selamat

Persekitaran yang memastikan keselamatan individu dan komuniti

Kotak 5.2 Indeks dan Sasaran Pencapaian Malaysia

INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA


IKRM adalah petunjuk sosial yang mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia. IKRM merupakan lanjutan daripada Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang dibangunkan oleh kerajaan berdasarkan indeks dan indikator domestik dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Penilaian dilakukan secara berkala merangkumi kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Komponen IKRM

Kesejahteraan Ekonomi	
Pengangkutan	Persekitaran Kerja
Komunikasi	Pendidikan
Pendapatan dan Pengagihan	<ul style="list-style-type: none"> Kualiti Kesaksamaan
Kesejahteraan Sosial	
Perumahan	Alam Sekitar
Hiburan	Kesihatan
Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none"> Tahap Kesihatan Perkhidmatan Kesihatan
Keselamatan Awam	Keluarga
Penyertaan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Kedudukan Kewangan
Kebudayaan	

Sumber: Olahan dari Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, EPU, 2013

Prestasi IKRM



Sumber: Olahan dari Rancangan Malaysia Kesebelas, EPU, 2016-2020

INDEKS KEBAHAGIAAN MALAYSIA

Mentakrifkan kedudukan negara berdasarkan refleksi kebahagiaan warganegara dan penduduk yang lain.



Model regresi mentakrif indeks kebahagiaan



KDNK Per Kapita



Sokongan Sosial



Kesihatan dan Jangka Hayat



Kemurahan Hati



Persepsi terhadap Rasuah

Sumber: Olahan dari <http://worldhappiness.report/wp-content/uploads/sites/2/2015/04/WHR15.pdf>, 2015

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDGs*) menjadi agenda pembangunan yang berbentuk *goal-oriented* bagi memelihara keperluan asas global selepas 2015



SASARAN 03

Memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan bagi semua peringkat umur



SASARAN 04

Memastikan pendidikan yang inklusif, saksama, berkualiti dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua



SASARAN 08

Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, inklusif dan mampan serta peluang pekerjaan yang produktif dan bersesuaian untuk semua



SASARAN 11

Menjadikan bandar dan petempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan



SASARAN 16

Menggalakkan masyarakat aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan kepada semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat

Sumber: Olahan dari <https://sustainabledevelopment.un.org/topics>, 2015

INDEKS PEMBANGUNAN MANUSIA

Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index, HDI*) merupakan kriteria utama dalam mengukur tahap pembangunan sesebuah negara; dan bukan hanya dilihat daripada aspek pertumbuhan ekonomi negara secara global.

Matlamat pencapaian HDI pada tahun 2040

2013 ke-62  Sasaran 2040 ke-10

Kedudukan Malaysia dari senarai 187 buah negara di dalam indeks HDI

HDI merupakan indeks komposit yang mengukur purata tahap pencapaian pembangunan penduduk dalam tiga (3) dimensi utama iaitu:



Kehidupan yang Sihat dan Umur yang Panjang

Dijayakan oleh:
Kelangsungan hidup di waktu kelahiran



Berilmu dan Berpengetahuan

Dijayakan oleh:
Tahun bersekolah; jangkaan tahun bersekolah



Taraf Hidup yang Selesa

Dijayakan oleh:
Pendapatan kasar per kapita

Sumber: Olahan dari <http://hdr.undp.org/sites/default/files/hdr14-report-en-1.pdf>, UNDP, 2015


KI1

Persekitaran Kehidupan Lengkap dan Berkualiti

Membentuk komuniti sejahtera melalui penyediaan perumahan yang sesuai, peningkatan akses kepada kemudahan masyarakat dan pekerjaan serta pewujudan persekitaran selamat dan bersih.

Persekitaran yang berkualiti dan responsif mampu membina komuniti yang sejahtera dan berkeupayaan menjana produktiviti yang lebih tinggi. Tiga (3) aspek utama diberi penekanan di dalam RFN Ke-3 bagi mencapai persekitaran berkualiti dan berdaya huni serta penglibatan komuniti secara menyeluruh. Ini termasuklah fokus yang memastikan persekitaran yang serba lengkap dan berkualiti dalam penyediaan keperluan asas individu serta komuniti. Keperluan asas individu ditumpukan kepada keperluan ruang tempat tinggal yang cukup, selesa dan memenuhi kehendak golongan sasaran tanpa mengira tahap pendapatan, umur dan cita rasa. Keperluan individu terhadap sumber pekerjaan turut diberi penekanan bagi memastikan semua golongan komuniti mempunyai peluang yang saksama dalam mempertingkatkan taraf hidup mereka.

Kotak 5.3 Golongan Sasar (anggaran sehingga tahun 2014)



Sumber: Olahan dari Rancangan Malaysia Kesebelas, EPU, 2016-2020

Keperluan asas komuniti pula melibatkan ruang kejiranan yang berkualiti, selesa, selamat dan mempunyai kemudahan yang baik bagi komuniti setempat; sama ada di bandar atau di kejiranan luar bandar. Ia juga perlu mengambil kira keperluan golongan sasaran agar elemen inklusif dapat diperkukuhkan ke arah mencapai masyarakat yang saksama.



HALA TUJU STRATEGIK KI1 PERSEKITARAN KEHIDUPAN LENGKAP DAN BERKUALITI

KI1.1

Menyediakan Perumahan yang Sesuai di Lokasi yang Sesuai

KI1.2

Meningkatkan Akses kepada Kemudahan Masyarakat Berkualiti

KI1.3

Meningkatkan dan Memudahkan Akses kepada Ruang Pekerjaan dan Ekonomi



KI1.1: Menyediakan Perumahan yang Sesuai di Lokasi yang Sesuai

Penyediaan jenis perumahan yang sesuai di lokasi yang sesuai perlu menjadi penekanan utama pembangunan perumahan di peringkat negeri dan tempatan. Penyediaan jenis rumah hendaklah memenuhi keperluan, permintaan dan kemampuan memiliki rumah semua golongan masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti bagi kumpulan sasar isi rumah 40% terendah (isi rumah B40) hendaklah menjadi keutamaan. Di samping itu, perumahan mampu milik perlu disediakan di lokasi yang sesuai iaitu berhampiran kemudahan pekerjaan dan dalam lingkungan pengangkutan awam bagi mengurangkan beban kos pengangkutan dan sara hidup.

Menjelang tahun 2040, perubahan struktur, profil penduduk dan gaya hidup masyarakat memerlukan perubahan dalam aspek penyediaan perumahan dan kemudahan masyarakat berbanding masa kini. Sehubungan dengan itu, aspek reka bentuk perumahan yang mampu memenuhi kehendak masa hadapan perlu diterapkan dalam perancangan.

Kawasan bandar akan terus menjadi tumpuan penduduk di masa hadapan. Selaras dengan strategi pembangunan mampan yang menekankan kepada pembangunan semula kawasan usang dalam bandar bagi tujuan mengekang rebakan bandar (*urban sprawl*), pembangunan semula atau naik taraf kawasan perumahan sedia ada dalam bandar melalui pelbagai inisiatif yang inovatif perlu dilaksanakan di peringkat tempatan. Program pembangunan semula dan naik taraf ini berupaya memberi nafas baharu kepada kawasan perumahan usang dalam bandar. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab memastikan supaya pembangunan perumahan bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan baharu di atas tapak *greenfield* malah program pembangunan semula kawasan sedia ada juga perlu dilaksanakan bagi memenuhi permintaan perumahan.

Kotak 5.4 Elemen Utama dalam Dasar Sektorial bagi Penyediaan Perumahan

DASAR SOSIAL NEGARA

DASAR PERUMAHAN NEGARA

PELAN INDUK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

RANCANGAN MALAYSIA KE-11, 2016-2020

ELEMEN DALAM DASAR SEKTORAL

- Cukup
- Selesa
- Meningkatkan akses kepada perumahan terutama terhadap perumahan mampumilik bagi kumpulan sasar
- Tingkatkan pemilikan
- Rumah untuk isi rumah 40% terendah, miskin dan mudah terjejas
- Perumahan di kampung
- Penyewaan rumah

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015


Kotak 5.5 Perubahan Penduduk Tahun 2040

Penduduk Malaysia pada tahun 2040 dijangka mengalami peningkatan penduduk menua seperti mana yang dialami kebanyakan negara di dunia. Dasar Warga Emas Negara 1995 mendefinisikan mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas sebagai warga emas. Menjelang tahun 2040, sejumlah 16.3% penduduk berada di dalam ketagori ini. Warga bekerja pula mengikut definisi global *United Nations* merupakan mereka yang berumur di antara 15 tahun hingga 64 tahun. Kategori warga bekerja ini dijangka akan membentuk 66.9% daripada jumlah penduduk menjelang tahun 2040. Manakala penduduk belia iaitu mereka yang berumur di antara 15 tahun hingga 29 tahun mengikut Dasar Belia Malaysia 2015 pula berjumlah 20.7% tahun menjelang 2040. Saiz isi rumah di Malaysia pula akan berkurangan dari 4.3 pada tahun 2010 kepada 3.8 menjelang tahun 2040 berikutan kadar kelahiran yang menurun, perkahwinan lewat dan jumlah penduduk tua yang semakin meningkat.

Dalam usaha mencapai keselesaan kehidupan berkeluarga, faktor kesesuaian saiz rumah, lokasi serta penyediaan kemudahan sokongan yang lengkap juga diambil kira. Sehubungan dengan itu, penyediaan perumahan pada masa hadapan hendaklah mengambil kira keperluan penduduk menua seperti warga emas akan mengambil kira elemen keselesaan, kemudahan sokongan, daya huni, keselamatan dan kecemasan. Fasiliti yang disediakan perlu lengkap, bersepadu, mesra pengguna dan sesuai dengan gaya hidup golongan ini.

Peningkatan golongan aktif akan diberi perhatian terutamanya dalam penyediaan ruang kehidupan termasuklah perumahan, ruang bekerja dan kawasan beriadah. Kaedah mengintegrasikan fungsi penyediaan ruang di dalam suatu lokasi strategik yang mempunyai akses mudah merupakan dimensi yang boleh diketengahkan dalam perancangan penyediaan ruang kehidupan pada masa hadapan. Selain itu, keperluan penduduk belia pula termasuklah perumahan mampu milik, perumahan transit atau perumahan untuk sewa. Golongan belia memerlukan perumahan sebegini sebagai alternatif bagi membantu mereka yang tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh.

Perubahan Komposisi Penduduk Menjelang Tahun 2040



Sumber:

- 1) Dasar Warga Emas Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2013 (Turut diaplikasikan dalam Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas- Mei 2013)
- 2) Jabatan Perangkaan Malaysia
- 3) Bahagian Dasar dan Pembangunan Sosial (DSPD), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 2015

Tindakan KI1.1A

Menubuhkan Lembaga Perumahan di setiap negeri bagi menggubal dasar perumahan di peringkat negeri dan penyediaan pangkalan data perumahan

Kerajaan Negeri digalakkan menubuhkan Lembaga Perumahan di negeri masing-masing bagi menangani isu perumahan dengan lebih teratur. Fungsi Lembaga Perumahan negeri termasuklah:

1. Menggubal dasar-dasar perumahan yang sesuai terhadap keperluan penduduk tempatan terutama bagi memenuhi keperluan perumahan dan tahap kemampuan kumpulan B40 dan M40 yang tinggal dalam bandar;
2. Menyelaraskan penyediaan perumahan oleh pelbagai agensi kerajaan dan pemaju swasta;
3. Menggubal polisi untuk memperbaiki kualiti dan penyelenggaraan perumahan; dan
4. Menyediakan pangkalan data perumahan bagi menyokong perancangan penyediaan perumahan yang mantap selain bertujuan mengurangkan ketidak seimbangan penawaran dan permintaan perumahan dan ketaksamaan harga pasaran dengan kemampuan pembeli.

Dasar Perumahan di peringkat negeri digubal berasaskan Dasar Perumahan Negara tetapi disesuaikan mengikut keperluan setiap negeri. Beberapa buah negeri telah menubuhkan Lembaga Perumahan Negeri bagi menangani cabaran penyediaan perumahan yang mampu dimiliki oleh golongan sasaran. Antara negeri yang telah menubuhkan Lembaga Perumahan Negeri adalah Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian Negeri Unit Perancang Ekonomi Negeri Pihak Berkuasa Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri 		

Jadual 5.1 Dasar Perumahan Sedia Ada di Peringkat Negeri

Dasar Perumahan Negeri	Selangor	Negeri Sembilan	Johor
Konsep Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan konsep baharu Perumahan Mampu Milik Memberi lebih keselesaan dari sudut saiz, reka bentuk ataupun komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan perumahan harga rendah, harga sederhana rendah dan harga sederhana Pembangunan perumahan mampu milik dalam sesuatu kawasan pembangunan ditetapkan sebanyak 50% 	<ul style="list-style-type: none"> Penjenamaan semula Dasar Pembinaan Rumah Kos Sederhana Rendah Terdiri daripada komponen Perumahan Komuniti Johor, Rumah Mampu Milik dan Kedai Kos Sederhana
Pendapatan Isi Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Tidak melebihi RM 3,000 sebulan bagi Rumah Selangorku Jenis A RM 3,001 hingga RM8,000 sebulan bagi Rumah Selangorku Jenis B, C dan D 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak melebihi RM 3,500 bagi perumahan berharga RM 80,000 (Jenis A - Standard) Tidak dinyatakan bagi perumahan Jenis B dan Jenis C 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak melebihi RM 2,000 ke RM 6,000 sebulan mengikut kategori rumah
Harga Jualan	<ul style="list-style-type: none"> Harga jualan rumah mampu milik di antara RM 42,000 ke RM 250,000 Bergantung kepada jenis, keluasan, lokasi dan kemudahan-kemudahan tambahan 	<ul style="list-style-type: none"> 15% daripada komponen perumahan adalah RM 80,000 (Jenis A - Standard) 15% berharga sehingga RM 250,000 (Jenis B - Standard Premier) 20% ditetapkan dalam lingkungan harga sehingga RM 400,000 (Jenis C- Deluxe) 	<ul style="list-style-type: none"> Harga jualan rumah mampu milik di antara RM 25,000 ke RM 220,000

Tindakan KI1.1B

Meningkatkan kesediaan perumahan mampu milik bagi kumpulan sasar isi rumah B40 dan M40 di kawasan perbandaran

Tanah-tanah kerajaan dan kuarters lama dikenal pasti bagi pembangunan perumahan bercampur termasuk perumahan mampu milik yang dibangunkan mengikut model intensifikasi tanah. Model ini meningkatkan densiti dengan menggalakkan penggunaan tanah, infrastruktur, sumber dan perkhidmatan yang lebih optimum. Pembangunan perumahan bercampur disarankan supaya lebih berdaya maju disamping memupuk kesepaduan komuniti antara kumpulan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi. Pembangunan semula akan memberi fokus pada:

1. Tanah kuarters kerajaan;
2. Kawasan perumahan kos rendah yang lama; dan
3. Tanah-tanah wakaf dan baitulmal untuk pembangunan perumahan bercampur.

Bagi mempertingkatkan kesediaan perumahan bagi kumpulan sasar yang menetap di kawasan perbandaran, perumahan kos rendah yang lama dan berdensiti rendah akan dimajukan semula sebagai kawasan perumahan mampu milik. Selain itu, tanah wakaf dan tanah baitulmal terutamanya yang terletak dalam bandar juga boleh dimajukan bagi tujuan perumahan bercampur. Jabatan Perumahan Negara (JPN) atau Lembaga Perumahan Negeri boleh bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri untuk mengenal pasti tanah yang berpotensi untuk dimajukan. Inventori tanah kerajaan di peringkat negeri hendaklah dijalankan untuk mewujudkan bank tanah bagi tujuan ini.




* Program Rumah Mesara Rakyat

** MyHome 1: Harga rumah dari RM 80,000 ke RM 150,000
My Home 2: Harga rumah dari RM 120,001 ke RM 300,000

*** My Home 1: Anggaran pendapatan bulanan isi rumah dari RM 3,000 ke RM 4,000
My Home 2: Anggaran pendapatan bulanan isi rumah dari RM 4,001 ke RM 6,000

Kotak 5.6 Peratusan Rumah yang Perlu Dibaikpulih dan Diganti di Malaysia, 2012



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Sumber: Laporan Penyiasatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2012

Penyediaan kemudahan perumahan yang mencukupi dan bersesuaian dengan kemampuan merupakan matlamat utama dalam mencapai kesejahteraan komuniti. Penyediaan perumahan mampu milik kepada golongan sasar merupakan agenda utama negara.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri Majlis Agama Negeri PR1MA Syarikat Perumahan Negara Berhad Jabatan Perumahan Negara Pihak Berkuasa Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Lembaga Perumahan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Negeri Lembaga Perumahan Negeri Kerajaan Negeri 		

Penyediaan perumahan juga mengambil kira keperluan penggantian dan usaha membaik pulih rumah-rumah usang terutamanya di kawasan luar bandar dan di kalangan isi rumah miskin. Peratus rumah usang di kalangan isi rumah miskin di bandar dan luar bandar adalah tinggi dan memerlukan program berkesan seperti Program Bantuan Rumah untuk menanganinya. Seperti mana yang dilaksanakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy*, pembangunan luar bandar yang efektif perlu memaksimumkan sebaiknya sumber sedia ada. Penggantian dan pembaikpulihan rumah dapat mengurangkan kebergantungan kepada penyediaan perumahan baharu dan tekanan terhadap keperluan tanah pembangunan. Sehubungan dengan itu, usaha pembaikpulihan rumah akan diteruskan seiring dengan konsep pembangunan mampan.

Cabaran utama dalam penyediaan perumahan adalah untuk menangani ketidak sepadanan harga pasaran perumahan dengan kemampuan isi rumah. Ketidakepadanan ini sangat ketara di kalangan kumpulan isi rumah B40 dan M40 yang tinggal di kawasan bandar. Kumpulan B40 yang mempunyai purata pendapatan isi rumah bulanan sebanyak RM2,537 hanya mampu memiliki rumah yang berharga di antara RM90,000 bagi B40 luar bandar hingga RM150,000 bagi B40 di bandar berbanding harga rumah yang puratanya adalah RM305,075.


Dalam menangani ketidak sepadanan harga rumah di pasaran bebas dan kemampuan komuniti terutama kumpulan B40 dan M40, skim perumahan mampu milik oleh agensi-agensi kerajaan akan diteruskan dan diselaras oleh Jabatan Perumahan Negara. Dalam RMKe-11, sasaran bagi setiap program perumahan telah ditetapkan. Ini termasuklah Program Bantuan Rumah, Perumahan Rakyat, Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia yang masing-masing menyasarkan kumpulan sasaran di bandar dan luar bandar. Kebanyakan program perumahan mampu milik yang dilaksanakan mensasarkan kumpulan yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan dan di bawah RM8,000 sebulan.

Kotak 5.7 Harga Rumah yang Tidak Setanding dengan Kemampuan Isi Rumah

Harga rumah yang mampu dibeli oleh isi rumah 40% terendah ialah antara:
RM 90,000 (luar bandar)
 sehingga
RM 150,000 (bandar)

*Menggunakan purata pendapatan penduduk bandar dan luar bandar dengan unjuran pinjaman selama 25 tahun menjelang tahun 2040


Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia



Sebaliknya, purata harga rumah semasa ialah RM 312,050

Sumber: Indeks Harga Rumah Malaysia, Q3P (2015), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah Mengikut Kumpulan dan Strata, Malaysia, 2014



Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia

Tindakan KI1.1C

Menyediakan zon perumahan awam dan perumahan mampu milik di sekitar nod transit pengangkutan di bandar dan pinggir bandar

Zon perumahan awam dan mampu milik di sekitar nod transit dalam lingkungan 400 meter dari stesen transit dapat mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian yang mengurangkan keperluan tempat letak kenderaan. Selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan *Transit Oriented Development*, kawasan pembangunan berorientasikan transit adalah perlu bagi mencapai keberkesanan penggunaan tanah yang optimum dan bersepadu.

Penyediaan di sekitar nod transit pengangkutan dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di samping mengurangkan kos perjalanan di kalangan kumpulan B40 serta meningkatkan tahap kemudahan. Perumahan awam dan mampu milik ini juga perlu dibangunkan beserta dengan kemudahan awam yang bagi meningkatkan kualiti kehidupan penduduk.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Wilayah Persekutuan 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri Lembaga Perumahan Negeri PR1MA Syarikat Perumahan Negara Berhad Pihak Berkuasa Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Belia dan Sukan Sabah Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 		

Tindakan KI1.1D

Menyediakan perumahan bagi kumpulan sasaran khusus beserta reka bentuk dan kemudahan yang bersesuaian

Penyediaan perumahan yang mengintegrasikan reka bentuk dan kemudahan bersesuaian bagi kumpulan sasaran khusus seperti orang kurang upaya (OKU) dan warga emas adalah perlu bagi memastikan peningkatan kualiti hidup mereka. Sehubungan itu, penekanan perlu diberikan kepada tahap kemudahan awam, kualiti, lokasi dan reka bentuk perumahan bagi kumpulan sasaran khusus ini.

Perumahan haruslah mempunyai rekabentuk dalaman yang berbeza bagi menyokong kekurangan fizikal yang dialami oleh golongan ini. Peruntukan 1% minima daripada jumlah unit perumahan awam dan mampu milik kepada kumpulan sasaran khusus seperti orang kurang upaya, warga emas dan isi rumah kumpulan B40 ini perlu dilaksanakan di seluruh negara. Selaras dengan Garis Panduan Perancangan Perumahan, rumah untuk golongan OKU perlu ditempatkan di aras bawah bangunan perumahan berbilang tingkat dengan piawaian penyediaan tertentu.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kerajaan Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri Jabatan Pendaftaran Negara Lembaga Perumahan Negeri PR1MA Syarikat Perumahan Negara Berhad Perbadanan Kemajuan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Ketua Menteri Sabah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Wilayah Persekutuan 		

Tindakan KI1.1E

Meningkatkan kualiti perumahan dan kejiranan di kampung dalam bandar, luar bandar dan kawasan penempatan FELDA dan FELCRA dengan pelaksanaan pembangunan yang lebih terancang

Kualiti perumahan termasuk susun atur perumahan akan dipertingkatkan di kampung-kampung tradisi supaya lebih tersusun dan selari. Selain itu, penempatan yang lebih tersusun akan diwujudkan untuk mengekalkan sosiobudaya dan warisan luar bandar serta menjadi tarikan pelancong. Inisiatif sedia ada di bawah program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*) dan *My Beautiful Malaysia* akan diteruskan untuk mengekalkan persekitaran kehidupan yang selesa dan memupuk amalan menjaga kebersihan.

FELDA dan FELCRA turut disarankan untuk memperluaskan kawasan pembangunan perumahan sama ada di kawasan perkampungan tersusun sedia ada atau di kawasan yang berdekatan bagi menyediakan perumahan bagi generasi kedua peneroka. Bagi perkampungan FELDA dan FELCRA yang terletak di pinggir bandar, pembangunan berdensiti rendah dan sederhana rendah adalah digalakkan serta dilengkapi dengan kemudahan komuniti yang boleh dikongsi dengan petempatan kampung tradisi di kawasan sekitar. Ini dapat mempertingkatkan skala ekonomi kepada penempatan di kawasan luar bandar dan desa.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Jabatan Perdana Menteri 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Syarikat Perumahan Negara Berhad 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan 		



Aktiviti membaiki, mengecat dan menceriakan kawasan perumahan kos rendah dalam Program My Beautiful Neighbourhood (MyBN)
 Sumber: My Beautiful Neighbourhood (MyBN)

KI1.2: Meningkatkan Akses kepada Kemudahan Masyarakat Berkualiti


Menjelang tahun 2040, kemudahan masyarakat perlu dipertingkatkan selaras dengan peningkatan penduduk dan sasaran mencapai kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat di negara ini. Penyediaan pelbagai jenis kemudahan perlu menepati keperluan penduduk mengikut kumpulan umur dan etnik. Ini termasuklah reka bentuk kemudahan masyarakat yang memenuhi keperluan golongan belia, warga emas dan orang kurang upaya di mana ruang awam dan bangunan awam direka bentuk agar memudahkan akses bagi golongan sasar ini. Secara tidak langsung, penyediaan kemudahan masyarakat yang lengkap dan adil dapat memupuk semangat kemasyarakatan di kalangan masyarakat setempat dan dapat mencapai kesejahteraan masyarakat sejagat.

Penyediaan kemudahan masyarakat perlu mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Antara kemudahan yang harus diberi penekanan adalah kemudahan pendidikan dan kesihatan terutamanya bagi kawasan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak serta penempatan orang asli di Semenanjung Malaysia. Sementara bagi bandar dan juga kawasan perumahan terancang, langkah-langkah harus diambil oleh agensi tertentu bagi memastikan kemudahan masyarakat disediakan dan kualitinya dipertingkatkan. Ini termasuklah perkhidmatan kesihatan, pendidikan, sukan dan kemudahan kejurangan komuniti di mana aspek penyelenggaraan dan pengurusan diamalkan dan penglibatan awam dalam pengurusan digalakkan.

Kotak 5.8 Modul Kemudahan Masyarakat

Kemudahan masyarakat yang sesuai juga perlu ditempatkan pada kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti:

1. Perpustakaan di kompleks membeli-belah dan nod pengangkutan awam;
2. Pusat jagaan kanak-kanak dan ruang perbincangan bagi orang dewasa di kawasan komersil seperti pejabat dan pembangunan bercampur dan di kawasan perumahan berdensiti tinggi;
3. Kompleks sukan di kawasan kompleks sekolah agar dapat digunakan sepenuh masa; serta
4. Kemudahan sukan dan taman di atas tempat letak kereta.



Sumber: AJM Planning and Urban Design Group Sdn. Bhd.

Tindakan KI1.2A

Menyediakan kemudahan masyarakat bersepadu mengikut keperluan komuniti setempat di lokasi yang mudah akses oleh anggota masyarakat

Kemudahan masyarakat harus disediakan agar mudah diakses dengan memastikan perletakan yang sesuai dan mempunyai kemudahsampaian yang baik. Ini termasuklah menggalakkan pembangunan kompleks kejurangan bersepadu atau kemudahan kejurangan di lokasi yang menyediakan kemudahan lengkap, pelbagai dan berkualiti serta mempunyai kapasiti sesuai untuk menampung penggunaannya. Pendekatan utama adalah penyediaan pelbagai kemudahan berkualiti di dalam satu bangunan komuniti dan boleh dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat. Ini secara tidak langsung akan mengoptimalkan penggunaan tanah bagi reruang bersama termasuklah tempat letak kereta, infrastruktur, utiliti, ruang legar dan sebagainya.

Salah satu konsep yang boleh diguna pakai adalah hab komuniti yang menggalakkan ruang komuniti bersepadu. Hab komuniti menyediakan pelbagai ruang yang terletak dalam satu kluster di lokasi atau bangunan yang sama. Hab komuniti ini dapat memberi perkhidmatan kepada kawasan tadahan kejurangan, kawasan perbandaran mahupun wilayah bandar.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Kementerian Kesihatan Malaysia Kementerian Belia dan Sukan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan 		

Kotak 5.9 Prinsip-prinsip Kejurangan dan Komuniti Inklusif

Prinsip utama bagi penyediaan kemudahan masyarakat adalah akses yang mudah pada semua golongan komuniti. Kemudahan masyarakat perlu disediakan di pelbagai kawasan tempatan dan kejurangan yang mempunyai tahap kemudahsampaian yang baik.



Laluan hijau merujuk kepada koridor ekologi sedia ada yang berkaitan dengan persekitaran bandar seperti jalan yang dibarisi pokok-pokok, taman awam, tanah lapang, kawasan rekreasi dan sebagainya. Laluan biru pula merujuk kepada badan air seperti sungai-sungai dan tasik yang terdapat di sesuatu kawasan.

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Kotak 5.10 Penyediaan Hab Komuniti

ELEMEN DAN FUNGSI HAB KOMUNITI



Mewujudkan *sense of belonging* dalam komuniti



Menggalakkan perjumpaan dan interaksi dalam masyarakat



Meningkatkan keberkesanan reka bentuk



Perpustakaan



Pusat Komuniti Serbaguna dan kawasan tumpuan untuk aktiviti komuniti



Peningkatan pulangan kos infrastruktur pengeluar perkhidmatan yang berkongsi kemudahan awam



Pusat Sukan dan Rekreasi



Perkhidmatan Sokongan Belia, Keluarga dan Ibu Bapa



Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak



Pusat Teknologi Maklumat (ICT)



Kafeteria



Pusat Bayaran Berpusat / Setempat

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Hab komuniti di Churchill, Australia ini adalah untuk menggalakkan individu, pertubuhan dan kumpulan komuniti setempat untuk bersama-sama dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan komuniti, serta menyokong program-program yang meningkatkan peranan aktif komuniti dalam proses perancangan pembangunan komuniti. Antara aktiviti yang dijalankan di hab komuniti ini termasuklah perbincangan persatuan-persatuan pelajar universiti, program kesihatan ibu dan kanak-kanak, program pembelajaran orang dewasa dan aktiviti persatuan kraftangan, pusat informasi dan kaunter perkhidmatan komuniti.



Ruang Membaca



Kawasan Lapang



Ruang Aktiviti Pelbagai



Festival dan Aktiviti Komuniti



Pusat Penjagaan Kanak-kanak dan Pra Sekolah



Kaunter Pertanyaan dan Sudut Aktiviti Pelbagai

Sumber: <http://www.e-architect.co.uk/australia/churchill-community-hub>

Kotak 5.11 Hab Komuniti Wilayah Bandar dan Separa Wilayah Bandar

Antara contoh Hab Komuniti Wilayah Bandar dan Separa Wilayah Bandar adalah kemudahan komuniti tahap tinggi yang boleh disediakan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Seiring dengan Program Transformasi Komuniti, UTC menyediakan perkhidmatan gunasama kerajaan seperti kaunter jabatan, Klinik 1Malaysia, kiosk Polis Diraja Malaysia, perkhidmatan pendidikan, latihan dan pekerjaan dan lain-lain lagi. RTC pula memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada dalam membentuk masyarakat luar bandar yang lebih berdaya maju dan berdaya saing dalam meningkatkan kualiti, kuantiti dan pemasaran produk tempatan.

Usaha ini dilaksanakan melalui inisiatif latihan kemahiran, penubuhan kiosk informasi 1Malaysia, pertanian bernilai tinggi, pemrosesan produk agro-makanan, pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, perkhidmatan keselamatan makanan, farmaseutikal dan lain-lain lagi.

HIERARKI PENYEDIAAN HAB KOMUNITI


Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Jadual 5.2 Penyediaan Kemudahan Komuniti Mengikut Tahap Keperluan Tadahan di Kawasan Kajian

	Rekreasi			Pendidikan			Agama		Kesihatan			Keselamatan		Komuniti			
	Pusat Sukan	Taman Bandaran	Taman Temapatan	Tadika	Rendah	Menengah	Masjid	Surau	Penjagaan Kanak-kanak	Klinik Awam	Hospital / Hospital Swasta	Bomba	Polis	Dewan Orang Ramai	Pusat Komuniti	Perpustakaan	Pusat Kitar Semula
TAHAP 1 Dalam Kawasan Perbandaran	√	√			√	√	√				√	√	√			√	
TAHAP 2 Dalam Presint dan Kawasan Kejiranan			√	√				√		√				√	√		√
TAHAP 3 Dalam Bangunan								√	√					√			√

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tindakan KI1.2B

Mereka bentuk kemudahan masyarakat yang berkualiti tinggi, tanpa halangan dan mudah diselenggarakan

Bangunan kemudahan masyarakat perlu dirancang dan direka bentuk dengan mengambil kira faktor-faktor perbezaan kumpulan umur dan latar belakang kebudayaan komuniti. Akses yang mudah, keterbukaan dan reka bentuk yang mampan adalah antara ciri-ciri utama dalam penyediaan kemudahan masyarakat. Antara faktor yang diberi perhatian termasuklah:

1. Reka bentuk tanpa halangan bagi menggalakkan penggunaan oleh golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU);
2. Kos pengurusan dan penyelenggaraan dikurangkan dengan menggunakan sistem penuaian air hujan, sistem green roof, pengurusan sampah setempat serta sumber tenaga alternatif seperti solar dan sebagainya; dan
3. Berdekatan dengan kawasan taman yang boleh digunakan sebagai ruang awam pelbagai guna.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kesihatan Malaysia • Kementerian Pendidikan Malaysia • Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Negeri • Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia • Unit Kerjasama Awam Swasta • Pejabat Tanah dan Galian 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah • Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna • Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah • Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> • Pihak Berkuasa Tempatan 		

Tindakan KI1.2C

Menggalakkan kerjasama agensi dan pemaju dalam membangunkan rizab tanah kemudahan masyarakat yang belum dibangunkan di kawasan perumahan sedia

Tapak-tapak kemudahan masyarakat yang telah dizonkan di kawasan perumahan tetapi belum dibina perlu digalakkan untuk dibangunkan melalui model kerjasama awam dan swasta. Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri perlu mengemukakan senarai tapak-tapak yang telah dizonkan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian supaya proses pindah milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Kementerian-kementerian berkenaan boleh dilaksanakan dengan lancar. Kementerian yang berkenaan perlu merancang dan menyelaras keperluan pembangunan kemudahan-kemudahan tersebut sebelum proses yang selanjutnya dapat dilaksanakan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kesihatan Malaysia • Kementerian Pendidikan Malaysia • Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat • Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia • Unit Kerjasama Awam Swasta 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah • Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah • Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Negeri • Pihak Berkuasa Tempatan 		

Tindakan KI1.2D

Meningkatkan taraf kemudahan pendidikan dan kemudahan kesihatan di kawasan pedalaman

Lebih banyak lokasi dikenal pasti bagi pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar bagi meningkatkan enrolmen pelajar khususnya mereka yang tinggal di luar bandar, pedalaman Sabah dan Sarawak serta orang asli. Kemudahan pendidikan juga perlu disertai dengan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian seperti asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan. Lokasi yang sesuai juga perlu dikenal pasti untuk pembangunan kesihatan bagi mempertingkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer di kalangan masyarakat orang asli di Semenanjung Malaysia, masyarakat di luar bandar serta pedalaman Sabah dan Sarawak.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Kementerian Pendidikan Malaysia Kementerian Kesihatan Malaysia 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Perbadanan Kemajuan Negeri Jabatan Kemajuan Orang Asli 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri 		



Contoh perkhidmatan kesihatan di kawasan pedalaman termasuklah klinik desa dan Klinik Bergerak 1Malaysia di Sarawak yang memberi kemudahan rawatan percuma kepada penduduk di pedalaman.

Sumber: <http://www.theborneopost.com/2010/12/10/98-buah-klinik-bergerak-1malaysia-di-sarawak-sedia-rawatan-percuma/>

KI1.3: Meningkatkan dan Memudahkan Akses kepada Ruang Pekerjaan dan Ekonomi

Peluang pekerjaan dan perniagaan yang terletak berdekatan dengan perumahan dapat memberi banyak manfaat kepada pembangunan ekonomi, bandar dan komuniti. Dari segi ekonomi, jarak tempat kerja yang dekat dapat menggalakkan lebih ramai tenaga kerja untuk menceburi aktiviti ekonomi dan meningkatkan kadar penyertaan ekonomi di kalangan penduduk. Golongan wanita, pesara, B40 dan orang kurang upaya berpeluang turut serta sebagai tenaga kerja sokongan.

Jarak tempat bekerja dan peluang pekerjaan yang dekat dengan rumah melibatkan *decentralisation* pusat komersial ke kawasan berdekatan dengan kawasan perumahan. Ini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dalam pusat bandar, masa perjalanan, kos infrastruktur dan mengawal peningkatan nilai tanah yang berleluasa. Pusat bandar akan membangun secara mampan dengan lebih banyak ruang disediakan untuk kawasan hijau dan kawasan interaksi sosial. Begitu juga dengan perletakan pusat perniagaan kecil di kawasan luar bandar yang menyediakan peluang pekerjaan akan dapat mengurangkan tren migrasi ke bandar.


Pusat perniagaan di pinggir bandar dan luar bandar akan memberi peluang pekerjaan yang saksama kepada semua golongan masyarakat. Beberapa tindakan perlu dilaksanakan termasuklah meningkatkan infrastruktur pengangkutan awam dan jaringan ke kawasan-kawasan pusat perniagaan ini. Selain itu, pusat komersial ini juga haruslah disokong oleh kemudahan yang menjadikan ia sebagai pusat komersial yang vibran.

Kotak 5.12 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Malaysia (%) dan Kadar Pengangguran (%)




Jumlah penyertaan tenaga buruh semakin menurun manakala kadar pengangguran semakin meningkat pada tahun 2010 berbanding 10 tahun sebelumnya. Jarak tempat bekerja dan peluang pekerjaan memainkan peranan penting dalam memastikan akses sama rata bagi komuniti di bandar dan luar bandar.



Jumlah Keseluruhan Penyertaan Tenaga Buruh (%)



Kadar Pengangguran (%)



Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, 2013, Jabatan Perangkaan

Tindakan KI1.3A

Membangunkan pusat latihan kemahiran dan pendidikan tinggi di kawasan kejiranan bagi mempertingkatkan akses penduduk kepada peluang pendidikan kemahiran

Aktiviti institusi dalam kawasan perumahan digalakkan bagi mempertingkatkan akses penduduk kepada peluang pendidikan latihan dan kemahiran serta pendidikan peringkat tinggi terutama golongan wanita dan kumpulan B40. Kawasan komersial yang berdekatan dengan kawasan perumahan merupakan antara kawasan yang sesuai untuk dibenarkan bagi tujuan pusat latihan. Garis panduan khusus untuk tujuan ini perlu disediakan bagi membolehkan bangunan komersial seperti kedai pejabat diguna pakai sebagai bangunan institusi.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Pendidikan Malaysia 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Majlis Amanah Rakyat 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan Institusi-institusi Kemahiran 		

Tindakan KI1.3B

Menggalakkan penglibatan awam dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan golongan miskin dan mudah terjejas

Persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan digalakkan untuk lebih aktif dalam membantu memberikan sokongan kepada isi rumah miskin dan golongan mudah terjejas termasuk warga tua. Pusat-pusat asuhan kanak-kanak dan warga tua, pusat-pusat tuisyen, pusat kaunseling kesihatan dan kewangan adalah digalakkan dan dikendalikan oleh badan-badan ini dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi peringkat tempatan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Wilayah Persekutuan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Pejabat Daerah dan lain-lain jabatan peringkat daerah Persatuan Penduduk Badan Bukan Kerajaan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan Persatuan Penduduk Badan Bukan Kerajaan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan Persatuan Penduduk Badan Bukan Kerajaan 		

Kotak 5.13 Contoh Pembangunan Bersepadu Stesen Yishun Mel, Singapura

Perhubungan *Northpoint Link (linkway)* bawah tanah yang akan menyambungkan stesen MRT Yishun dengan stesen pertukaran bas di pembangunan integrasi *Northpoint City* melalui *Northpoint Shopping Centre*. Aktiviti-aktiviti perniagaan akan beroperasi sepanjang laluan bawah tanah yang berhawa dingin. Konsep pusat transit pengangkutan awam ini diintegrasikan dengan *Northpoint City* yang terdiri daripada kawasan kediaman dan komersil, hab pengangkutan bersepadu Yishun Mel, kelab komuniti, plaza, taman komuniti dan kedai-kedai makanan.

Wujudnya integrasi fungsi antara pusat membeli belah dan estet perumahan sedia ada



Pembangunan dinamik yang menghubungkan transit, pusat komersil, kemudahan awam serta kawasan residensi



Menyaksikan kelab komuniti di dalam pusat membeli belah yang pertama di Singapura



Sumber: Master Plan North Region, Urban Redevelopment Authority, 2014

Tindakan KI1.3C

Mewujudkan pusat pekerjaan berdekatan dengan Pusat Transit Pengangkutan Awam

Kawasan yang berdekatan dengan nod pengangkutan ataupun pusat transit pengangkutan awam boleh dijadikan pusat pekerjaan terutamanya bagi pusat transit di luar pusat bandar dan pusat tempatan. Peluang untuk pembangunan semula kawasan ini adalah digalakkan, namun ia perlu menepati kapasiti infrastruktur sedia ada kawasan tersebut dan skalanya haruslah mengambil kira kawasan sekitar sedia ada. Pusat pekerjaan di pusat transit adalah sebahagian daripada konsep pembangunan *Transit Oriented Development (TOD)* dan aktiviti yang dicadangkan seharusnya bercorak katalis agar dapat meningkatkan kualiti dan nilai kawasan tersebut. Pusat pekerjaan di pusat transit boleh juga diintegrasikan dengan kemudahan-kemudahan lain seperti institusi pendidikan, sukan, kesihatan, kompleks komuniti dan sebagainya.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Wilayah Persekutuan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Negeri Syarikat Prasarana Negara 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Mass Rapid Transit Corp Pihak Berkuasa Tempatan 		

Tindakan KI1.3D

Mengintegrasikan kluster komersial di kawasan perumahan mampu milik dan di luar pusat bandar sebagai pusat komersial dan pekerjaan setempat

Selaras dengan tujuan mengadakan ruang kerja yang berdekatan dengan ruang huni, pusat komersial di zon perumahan perbandaran dan pekan-pekan kecil yang berpotensi boleh dijadikan pusat komersial dan perkhidmatan. Aktiviti komersial dan pekerjaan ini seharusnya tidak menimbulkan konflik dengan kawasan perumahan sedia ada serta menggalakkan aktiviti perniagaan dan pekerjaan yang menyokong aktiviti di pusat bandar utama dan tempatan. Pembangunan bercampur seperti pejabat, ruang niaga dan ruang awam untuk riadah di kawasan seperti ini akan menyediakan peniaga dengan pilihan lokasi tambahan. Ia juga dapat memberi pelbagai pilihan ruang tinggal-kerja-riadah (live-work-play) untuk penduduk yang tinggal berhampiran.

Secara tidak langsung, ia dapat menambahkan peluang pilihan pekerjaan, akses kepada kemudahan berkualiti serta membantu penduduk mengurangkan waktu untuk berulang-alik. Kluster komersial yang dikenal pasti haruslah mempunyai kesediaan infrastruktur, akses dan hubung kait yang baik dari kawasan sekitarnya. Ia juga lebih kukuh sekiranya mempunyai fungsi yang khusus bagi menggalakkan pertumbuhan yang terancang. Selain itu, pusat perusahaan kecil berasaskan komuniti juga boleh digalakkan bagi menggiatkan ekonomi penduduk tempatan. Perusahaan termasuklah kraftangan, makanan ringan serta pusat pekerjaan kecil boleh diadakan untuk memasarkan produk-produk ini.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan 		

KI2

Persekitaran Komuniti Berdaya Huni


Elemen daya huni dan kesepaduan komuniti bertujuan untuk memupuk komuniti yang progresif, prihatin dan aktif dalam agenda pembangunan setempat dan negara

Penerapan elemen daya huni dan kesepaduan komuniti bertujuan menjadikan ruang awam, budaya dan warisan setempat sebagai nadi sesebuah komuniti. Ia menguatkan *sense of belonging* dan perpaduan antara komuniti berasaskan identiti, warisan dan budaya yang dikongsi bersama. Pewujudan tempat merupakan satu proses yang melibatkan penambahbaikan penggunaan kawasan, reka bentuk bandar dan penciptaan identiti sesuatu kawasan. Proses ini memupuk perhubungan antara komuniti dan alam sekitar melalui tumpuan dalam pewujudan persekitaran yang berkualiti. Kawasan-kawasan awam seperti taman, pinggir pantai, plaza, pusat kejranaan, laluan awam, pasar awam, bangunan awam dan lain-lain kawasan awam adalah antara kawasan tumpuan yang boleh dipilih untuk dijadikan sebagai identiti sesuatu kawasan. Kawasan-kawasan warisan sejarah serta budaya setempat juga sesuai untuk dipilih bagi mewujudkan satu tempat tumpuan yang menjadi kebanggaan komuniti setempat. *Placemaking* menerapkan nilai-nilai yang dikongsi bersama, membina tahap keupayaan komuniti dan memupuk kerjasama merentasi sektor yang juga merupakan asas dalam membina bandar yang berdaya tahan dan komuniti sejahtera.

Kawasan yang berkembang maju mewujudkan kesan secara langsung kepada keupayaan komuniti untuk menangani cabaran sosial dalam sesuatu masyarakat. Selain memastikan keselesaan dan kesejahteraan komuniti, pewujudan tempat juga penting bagi memastikan kesihatan fizikal dan ekonomi sesuatu kawasan. Pencapaian ini berlaku hasil daripada penglibatan aktif komuniti dalam membentuk fungsi sesuatu tempat.

Kotak 5.14 Tumpuan dan Fokus Pergerakan Manusia

Pewujudan komuniti yang progresif, prihatin dan aktif tercapai melalui pelbagai usaha dan inisiatif untuk menghasilkan cara penyelesaian yang inovatif dan efektif bagi mencapai pelbagai hasil sekaligus.



Pewujudan tempat berasaskan warisan dan budaya dapat mewujudkan aktiviti ekonomi baharu seperti bandar seni, bandar kreatif, bandar budaya dan sebagainya. Aktiviti yang tercetus dari pewujudan tempat dapat mengembalikan suasana kehidupan baharu dalam bandar lama dan usang. Pewujudan tempat juga dapat meningkatkan tahap kompetitif sesuatu kawasan. Elemen *placemaking* perlu diberi penekanan dalam menjana daya tahan negara, seperti mana keperluan daya tahan penting dalam menentukan keperluan pelaburan di sesuatu tempat. Daya tahan dalam komuniti menekankan kepentingan infrastruktur yang menyeluruh serta meningkatkan persiapan komuniti dalam menghadapi kejadian bencana. Komuniti yang progresif dan prihatin perlu memanfaatkan pelaburan untuk hasil yang lebih meluas serta bermanfaat.

Elemen daya huni perlu menjadi sesuatu proses berasaskan komuniti dan bukan hanya merupakan satu strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan. Komuniti setempat perlu memainkan peranan yang lebih aktif bagi pelaksanaan tindakan yang akan memastikan kejayaan berterusan dalam memperbaiki kualiti persekitaran masyarakat. Penglibatan komuniti dalam usaha pewujudan tempat perlu bagi membentuk semangat kerjasama dan kesepaduan antara komuniti dan akan membina modal sosial yang mantap bagi jangka masa panjang.

Keperluan asas komuniti pula melibatkan ruang keejiran yang berkualiti, selesa, selamat dan mempunyai kemudahan yang baik bagi komuniti setempat; sama ada di bandar atau di keejiran luar bandar. Ia juga perlu mengambil kira keperluan golongan sasaran agar elemen inklusif dapat diperkukuhkan ke arah mencapai masyarakat yang saksama.



HALA TUJU STRATEGIK K2 PERSEKITARAN KOMUNITI BERDAYA HUNI

KI2.1

**Menjadikan Ruang
Awam sebagai Ruang
Aktif Integrasi Komuniti**

KI2.2

**Memperkukuhkan
Kepentingan Budaya
dan Warisan**

KI2.3

**Mewujudkan Persekitaran
Selamat**

KI2.4

**Mengarusperdanakan
Gaya Hidup Sihat dan
Bersih**

KI2.1: Menjadikan Ruang Awam sebagai Ruang Aktif Integrasi Komuniti

Pewujudan tempat dan memupuk *'sense of belonging'* sebagai satu impak dari pewujudan tempat, lebih mudah untuk dilaksanakan jika ruang-ruang awam dalam sesuatu kawasan itu dijadikan sebagai ruang kehidupan dalam menjalankan aktiviti seharian. Pewujudan tempat boleh dilaksanakan di kawasan-kawasan perumahan dan bandar lama dengan menyuntik aktiviti dan daya tarikan baharu yang bersesuaian dengan kehendak generasi muda dan komuniti setempat. Pewujudan tempat di kawasan-kawasan lama dapat memberi nafas baharu dan keceriaan serta membantu mengembalikan aktiviti kehidupan dan pekerjaan di kawasan yang semakin ketinggalan ini. Tanah-tanah dan ruang-ruang yang kosong dan terbiar digalakkan untuk pembangunan yang memberi daya tarikan baharu termasuklah perumahan bercampur, blok pejabat, hotel, kompleks perniagaan yang disokong oleh kafe, restoran serta pusat rekreasi dan hiburan bagi mengembalikan suasana kehidupan yang aktif di kawasan tersebut.

Kawasan-kawasan yang terbiar ini boleh dijadikan taman kecil yang disediakan tempat duduk dan 'square' untuk tujuan rehat dan bersosial, lorong-lorong boleh dijadikan ruang untuk berniaga, kawasan pameran aktiviti seni dan sebagainya. Ruang-ruang awam seperti pantai, pinggiran sungai, plaza, pasar dan sebagainya boleh diperluaskan kegunaannya, bukan sahaja bagi tujuan pembentukan identiti tetapi juga dijadikan kawasan penjana ekonomi bagi masyarakat setempat. Bangunan-bangunan lama juga boleh dipulihkan semula (retrofit) dengan mengekalkan senibina lama asal yang digabungkan dengan fasiliti moden. Pengubahsuaian bangunan lama menjadi hotel butik, restoran, pusat hiburan dan rekreasi, butik serta kedai-kedai eksklusif adalah antara penggayaan yang digalakkan bagi memberi nafas baharu kepada bandar-bandar lama.

Kaedah pelaksanaan seperti ini telah banyak didapati di Bandaraya Kuala Lumpur, Melaka dan Pulau Pinang. Antaranya adalah Pasar Seni dan Hotel Majestic di Kuala Lumpur, Hotel Heritage 1926 dan Hotel E&O di Pulau Pinang. Di Shah Alam dan juga di Pulau Pinang, lorong-lorong belakang dijadikan sebagai medan seni bagi generasi muda mengekspresikan kemahiran seni.

Kotak 5.15 Komponen Pemetaan Budaya



Pewujudan tempat melalui taman-taman kecil dan taman-taman poket berhadapan jalanraya sebagai tempat beristirahat dan bersosial.



Laluan pejalan kaki dihiasi cantik bagi menceriakan ruang yang dilalui setiap hari dalam kehidupan komuniti tempatan.



Penganjuran acara *flea market* oleh persatuan komuniti boleh menjana aktiviti ekonomi bagi penduduk setempat.

Sumber: Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2012

Dalam melaksanakan Hala Tuju Strategik ini, bangunan serta kawasan awam sedia ada yang berpotensi dipertingkatkan sebagai ruang kehidupan terutamanya dalam penjana ekonomi setempat dan untuk kemudahan serta kegunaan komuniti setempat perlu dikenal pasti. Bagi tujuan ini komuniti setempat digalakkan untuk terlibat sama dalam mengenal pasti dan menjayakan ruang awam ini sebagai kawasan tumpuan dan ruang penjana ekonomi baharu yang memberi kemudahan kepada penduduk setempat. Pembentukan persatuan penduduk adalah digalakkan untuk melaksanakan program ini dan aktiviti-aktiviti yang digalakkan adalah penganjuran acara di kawasan-kawasan tumpuan awam.

Kawasan yang menjadi ruang bagi penganjuran acara perlu mempunyai infrastruktur sokongan seperti bekalan elektrik, air, tandas awam serta tempat letak kereta. Pewujudan tempat bagi memupuk kesepaduan komuniti boleh juga dilaksanakan melalui peningkatan tempat-tempat tumpuan sedia ada. Stesen-stesen bas boleh ditingkatkan fungsinya dengan penyediaan ruang bagi tujuan mengintegrasikan nod pengangkutan awam ini dengan aktiviti lain seperti kompleks membeli-belah, pusat pembayaran setempat dan sebagainya. Puduraya yang merupakan pusat transit bas antara bandar kini telah dinaik taraf menjadi bangunan moden yang menempatkan Pusat Transformasi Bandar selain masih memainkan fungsi sedia ada sebagai pusat transit bas antara bandar. Peningkatan tempat tumpuan sedia ada menjadi satu daya tarikan baharu perlu diteruskan terutama ke bandar-bandar kecil yang semakin ketinggalan disebabkan pembangunan lebuh raya baharu yang memberi kesan kepada isipadu lalu lintas ke bandar-bandar tersebut.

Peluang untuk menyuntik nafas baharu ke bandar-bandar kecil ini terbuka luas dengan adanya peningkatan jalan keretapi yang akan menjadi nadi alternatif kepada pengangkutan awam di negara ini. Stesen-stesen keretapi kini mempunyai potensi untuk dipertingkatkan dan diintegrasikan dengan aktiviti-aktiviti daya tarikan lain bagi mewujudkan satu pusat tumpuan yang menarik. Hidangan makanan yang dahulunya menjadi tarikan stesen-stesen keretapi lama di negara boleh diketengahkan semula dengan peng gayaan baharu yang dapat menarik generasi muda dan pelancong.

Kotak 5.16 Contoh Konsep Ruang Awam di Cyberjaya

Zon Perindustrian di Cyberjaya mengintegrasikan pelbagai komponen termasuklah kawasan komersil, pejabat, hab R&D dan juga taman rekreasi bagi riadah dan aktiviti luaran.



Tech Zone yang menempatkan pusat teknologi, pusat beli belah digital, kawasan komersil dan pejabat yang dilengkapi kemudahan teknologi pintar. Kawasan komersil berskala rendah seperti kiosk sepanjang laluan pejalan kaki dihubungkan dengan kawasan poket kecil untuk aktiviti luaran.

Pembangunan bercampur seperti pejabat, kawasan komersil, pusat membeli-belah, pusat konvensyen, kawasan rekreasi, pusat kebudayaan, hotel, pejabat kerajaan dan kemudahan institusi bagi meningkatkan kemudahsampaian komuniti.



Sumber: AJM Planning and Urban Design Group Sdn. Bhd.

Tindakan KI2.1A

Mengenal pasti bangunan dan ruang awam yang boleh dipertingkatkan kegunaannya sebagai kawasan tumpuan dan daya tarikan baharu

Ruang-ruang awam yang berpotensi menjadi kawasan tumpuan perlu dikenalpasti untuk tujuan peningkatan. Ini termasuklah memperindahkan kawasan, memperluaskan kawasan aktiviti dan mempelbagaikan aktiviti ruang-ruang awam. Kawasan lapang, taman rekreasi, kawasan pinggir pantai, plaza, arena, jalan-jalan awam, pasar awam dan bangunan-bangunan seperti muzium, kompleks kraf dan bazar adalah antara kawasan awam yang boleh dikenal pasti untuk dipertingkatkan kegunaannya dan menjadi kawasan tumpuan aktiviti awam.

Daya tarikan baharu hendaklah dibangunkan di ruang-ruang dan tanah-tanah kosong di kawasan perumahan dan bandar lama. Pembangunan daya tarikan baharu juga boleh dilaksanakan melalui pembangunan semula kawasan yang kurang maju, usang dan kotor. Daya tarikan kepada sesuatu tempat boleh diwujudkan dalam pelbagai bentuk dan aktiviti seperti nod pengangkutan, kompleks membeli-belah, aktiviti hiburan dan rekreasi, padang dan taman bandar yang boleh menjadi mercu tanda dan identiti sesebuah bandar atau kawasan.

Bagi melengkapkan kawasan-kawasan daya tarikan baharu ini, hubungan pengangkutan awam perlu disediakan kerana akses mudah akan menjadikan kawasan ini lebih mudah dikunjungi dan lebih berdaya maju. Selain kemudahan pengangkutan awam, perhubungan dengan kawasan lain perlu disediakan melalui laluan pejalan kaki yang disokong oleh tanda-tanda jalan yang strategik sebagai petunjuk arah. Pewujudan tempat memerlukan komitmen yang tinggi dari agensi pelaksana dan perlu melibatkan komuniti tempatan. Dengan kerjasama ini semangat *sense of belonging* akan dapat dipupuk dengan lebih senang dan kesepaduan komuniti berbilang kaum dapat dicapai.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Wilayah Persekutuan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk 		

Kotak 5.17 Contoh Kawasan Daya Tarikan Baharu di Shah Alam

Lorong belakang yang dibersihkan dan dijadikan medan seni visual dan seni persembahan yang melibatkan kerjasama pelajar pusat pengajian tinggi tempatan



Sumber: www.flickr.com

Tindakan KI2.1B

Menggalakkan penglibatan awam dalam menjana aktiviti komuniti melalui pembaharuan fizikal dan pengisian aktiviti

Komuniti tempatan termasuk badan-badan bukan kerajaan serta persatuan penduduk digalakkan untuk menjanakan aktiviti di kawasan tumpuan awam yang strategik bagi kegunaan semua peringkat umur dan kaum. Ini termasuklah aktiviti penceriaan, pengindahan, pembaikan serta penganjuran acara. Kawasan tumpuan sedia ada boleh dipertingkatkan menjadi identiti sesuatu tempat. Pelaksanaan ini boleh melibatkan peningkatan dan pembaharuan dari segi fizikal dan juga pengisian aktiviti yang menarik minat ramai atau yang boleh memberi kemudahan kepada orang ramai.

Kotak 5.18 Contoh Aktiviti dan Tarikan di Kawasan Awam



Aktiviti di Setia Walk, Puchong



Aktiviti di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur



Aktiviti di Kilang Bateri, Johor

Sumber: www.flickr.com

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Wilayah Persekutuan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk 		

Tindakan KI2.1C

Menyediakan kemudahan sokongan, sistem pengangkutan awam serta akses di kawasan awam dan kawasan daya tarikan baharu

Bagi kawasan-kawasan yang kecil dan sempit, akses yang mudah dan selesa perlu disediakan seperti laluan pejalan kaki mesra pengguna yang menghubungkan kawasan tumpuan awam kepada tempat letak kereta dan stesen pengangkutan awam. Kemudahan awam yang disediakan di kawasan tumpuan perlu mencukupi, berkualiti, mudah akses, mesra penggunaan kepada golongan OKU, warga emas dan kanak-kanak di dalam setiap pembangunan. Tahap aksesibiliti yang tinggi ke kawasan rekreasi, kemudahan masyarakat, rumah ibadat dan tempat keagamaan dan sebagainya perlu diberi penekanan melalui penyediaan laluan pejalan kaki dengan saiz dan reka bentuk permukaan yang sesuai. Selain itu, kawasan daya tarikan baharu ini juga perlu mempunyai kesinambungan dan perhubungan dengan kawasan disekelilingnya serta dilengkapi dengan petunjuk arah yang berkesan dan mesra pengguna.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Wilayah Persekutuan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk 		

Tindakan KI2.1D

Meningkatkan keluasan dan kualiti kawasan lapang dan kawasan rekreasi sebagai nadi masyarakat sihat

Kawasan lapang dan kawasan rekreasi yang tidak mempunyai fasiliti lengkap kebanyakannya terletak di taman perumahan bersaiz kecil dan perlu dinaik taraf dengan kerjasama komuniti setempat. Peningkatan taraf tanah lapang dan kawasan rekreasi juga perlu melibatkan kajian baharu seperti penyediaan tanah lapang dan rekreasi bagi menyelaraskan hierarki supaya kualiti dapat dipertingkatkan. Tanah lapang dan rekreasi yang kecil perlu dihubungkan dengan taman berhierarki yang lebih tinggi supaya penggunaan dapat dikongsi bersama.

Akses yang mudah perlu disediakan bagi menghubungkan kawasan dan menjadi antara kriteria utama dalam membentuk taman rekreasi sebagai taman tumpuan masyarakat. Pihak swasta dapat memberi sumbangan kewangan kepada komuniti melalui program *Adopt-a-Park* dengan menyalurkan bantuan kewangan bagi pengubahsuaian, penyelenggaraan dan penambahbaikan kualiti taman kejiranan, taman rekreasi dan *green streets* supaya lebih bersih dan selamat.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Jabatan Landskap Negara 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan Persatuan Penduduk
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan 		

Kotak 5.19 Kelebihan dan Kesan Positif Penglibatan Aktif di dalam Sukan dan Aktiviti Fizikal



Meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan fizikal

bagi mengurangkan risiko penyakit, kadar kelangsungan dan kualiti hidup yang lebih tinggi, serta pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang lebih sihat



Meningkatkan kesihatan mental

bagi membentuk keyakinan dan imej diri, mengurangkan tekanan, meningkatkan tumpuan, memori dan proses pembelajaran individu



Menggalakkan interaksi sosial

bagi meningkatkan kemahiran dan rangkaian sosial, perhubungan awam, perpaduan masyarakat dan komuniti yang lebih selamat



Mengurangkan kos kesihatan

bagi meningkatkan kesihatan fizikal dan hubungan kekeluargaan serta komuniti yang akan mengurangkan kos kesihatan dan kos intervensi sosial

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015


KI2.2: Memperkukuhkan Kepentingan Budaya dan Warisan

Memperkukuhkan kepentingan budaya setempat termasuklah mengekal dan menyetengahkan warisan setempat penting bagi memupuk 'sense of belonging' di kalangan komuniti dan perpaduan komuniti. Budaya setempat atau budaya sesuatu komuniti seperti tempat bersejarah, bangunan yang mempunyai seni bina yang unik, pusat aktiviti budaya dan sebagainya dapat memberi identiti bagi sesuatu kawasan. Budaya juga boleh dijadikan sebagai pencetus aktiviti ekonomi. Daripada budaya sesuatu tempat dan juga komuniti dapat dibentuk menjadi satu aktiviti kreatif yang dapat menjana ekonomi. Pelbagai bandar di dunia menggunakan budaya tersendiri bagi dijadikan identiti serta mencetus ekonomi yang berkaitan dengan seni dan kreatif seperti Shanghai, China yang dikenali sebagai *City of Design*, *Bologna, Italy* sebagai *City of Music*, *Lyon, France* sebagai *City of Media Arts* dan *Santa Fe, USA* sebagai *City of Folk Art and Craft*. Budaya yang unik juga menjadi sesuatu kawasan itu menarik dan dapat menarik minat pelancong dan pelabur.

Di Malaysia, elemen budaya masih kurang diketengahkan walaupun minat masyarakat kini terhadap kebudayaan semakin meningkat. Budaya sebagai salah satu komponen Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia menunjukkan prestasi yang meningkat dengan peningkatan 20.3 mata dari tahun 2000 ke 2012 walaupun sesetengah sub-komponen menunjukkan prestasi bercampur. Jumlah pengunjung ke Istana Budaya dan Kompleks Kraf menurun pada tahun 2012 setelah meningkat pada tahun 2010.

Pada masa hadapan, budaya perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas dari bilangan pengunjung perpustakaan awam, Istana Budaya, muzium dan Kompleks Kraf. Budaya perlu merangkumi aktiviti kesenian, kerja-kerja pengkealan warisan, penyediaan pelbagai tempat bagi kegiatan seni, warisan, persuratan, bilangan budayawan, karyawan dan ahli yang mahir dalam seni budaya dan sebagainya. Pengukuhan budaya perlu dicapai sehingga lahirnya industri seni dan kreatif sebagai satu sektor ekonomi yang mantap.

Kotak 5.20 Prestasi Indikator Kebudayaan



Bagi memperkukuhkan kepentingan budaya dalam sesuatu komuniti serta memupuk 'sense of belonging' di kalangan komuniti, elemen-elemen kesenian, kraf, warisan yang boleh dijadikan identiti, daya tarikan pelancong serta industri kreatif digalakkan untuk diketengahkan dalam kawasan bandar, desa dan kawasan kejiranan. Malaysia kaya dengan pelbagai jenis warisan budaya, seni dan kraf yang boleh diperkasa dan dibangunkan menjadi imej dan identiti sesuatu tempat. Seperti mana seni batik yang telah dikomersialkan dan sinonim dengan negeri Kelantan dan Terengganu, seni ukiran kayu, pertukangan perak dan emas, anyaman dan seni tekat juga boleh turut diketengahkan menjadi identiti yang kuat di beberapa bandar. Selain dari itu, warisan senibina dan sejarah juga perlu diperkasakan dengan sepenuhnya. Usaha-usaha memperkenalkan warisan seni bina dan warisan sejarah perlu diberi nafas baharu bagi menarik tumpuan golongan muda, pelancong dan pelabur. Usaha ini perlu dimulakan dengan melaksanakan pemetaan budaya yang melakarkan tempat-tempat bersejarah, kawasan aktiviti kesenian dan kebudayaan serta menghubungkannya dengan latar belakang ahli budayawan, karyawan serta artifak dan lain-lain elemen yang berkaitan.

Pemetaan budaya perlu disusuli dengan penyediaan dan peningkatan tempat-tempat awam yang memperkasakan aktiviti budaya bagi mempertingkatkan kesedaran tentang budaya di kalangan komuniti serta menjadi identiti dan daya tarikan setempat. Perpustakaan, muzium, kompleks kraf, galeri seni dan kompleks budaya perlu diperbanyakkan di pusat-pusat bandar yang bersesuaian. Kawasan-kawasan awam bagi tujuan majlis, pesta, karnival dan konsert kebudayaan serta kesenian adalah digalakkan untuk disediakan. Kawasan-kawasan awam sedia ada seperti kawasan lapang, dataran, plaza dan promenade boleh juga digunakan bagi pelbagai kegiatan seni dan budaya.

Pengukuhan kepentingan budaya perlu dilengkapkan dengan peningkatan dan kepelbagaian aktiviti budaya, seni dan kreatif. Bilangan dan kepelbagaian aktiviti kesenian, budaya dan kreativiti akan menjadikan ia kluster yang dapat diperkembangkan menjadi sebuah industri. Warisan sejarah atau seni bina unik juga boleh diperkasakan dengan memperbanyakkan aktiviti hiliran berkaitan yang kemudiannya akan membentuk kluster pelancongan. Pengukuhan budaya melalui kepelbagaian aktiviti kebudayaan, kesenian dan kreatif dapat memberi peluang pekerjaan kepada pelbagai golongan muda serta golongan yang berpendapatan rendah.

Kotak 5.21 Komponen Pemetaan Budaya

Contoh Pelan Strategik Komuniti yang boleh disediakan mengenal pasti warisan, perniagaan berunsur kebudayaan, fasiliti yang menyokong aktiviti kebudayaan dan kumpulan masyarakat yang menyumbang kepada kualiti kehidupan dan kesejahteraan komuniti.

SUMBER KEBUDAYAAN



Sumber: Olahan dari <http://stthomas.ca/content/cultural-mapping-project>

Tindakan KI2.2A

Mengetengahkan ciri-ciri unik yang boleh dijadikan identiti bandar, luar bandar dan kawasan setempat melalui proses Pemetaan Budaya

Penampilan budaya setempat perlu diketengahkan dengan secara meluas dan tidak hanya terhad di beberapa negeri dan kawasan sahaja. Penampilan budaya dan warisan setempat perlu kukuh dan mempunyai identiti yang kuat untuk dijadikan sebuah daya tarikan yang menjana ekonomi setempat. Kebanyakan bandar-bandar utama dalam negeri-negeri ini turut mempunyai imej dan identiti yang kuat. Usaha ini perlu diperluaskan ke bandar-bandar dan kawasan-kawasan yang lain.

Elemen-elemen warisan seperti kraf, tarian, makanan, seni bina dan sebagainya perlu ditampilkan sebagai identiti dan imej kawasan. Kerajaan Negeri perlu mengaktifkan badan-badan warisan kerajaan dan bukan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif ini dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Penampilan budaya setempat perlu dimulakan dengan melaksanakan Pemetaan Budaya yang melakarkan kawasan-kawasan warisan sejarah, warisan seni, warisan budaya tradisi dan lain-lain selain menghubungkannya dengan ahli-ahli karyawan, budayawan serta seniman yang terdapat dalam komuniti tempatan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri Lembaga Kraftangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Jabatan Muzium Sabah Lembaga Kebudayaan Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Warisan Negara 		

Tindakan KI2.2B

Menyediakan zon atau kawasan awam bagi tujuan pesta kebudayaan dan kesenian

Bandar-bandar utama digalakkan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan untuk aktiviti kebudayaan seperti kompleks atau laman budaya, plaza, arena dan 'square' boleh disediakan bagi tujuan aktiviti pesta seni dan kebudayaan. Selain itu, muzium sedia ada perlu diintegrasikan dengan lain-lain aktiviti kontemporari seperti galeri lukisan, seni persembahan dan lain-lain yang dapat menarik minat generasi muda.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Kementerian Wilayah Persekutuan 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Perancang Ekonomi Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Lembaga Kebudayaan Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Warisan Negara 		

Tindakan KI2.2C

Menyuntik dan meningkatkan kepelbagaian aktiviti daya tarikan dalam usaha pengekalan budaya dan warisan


Bandar, luar bandar serta pusat kejurangan adalah digalakkan untuk membentuk imej dan identiti tersendiri bukan sahaja terhad kepada identiti budaya dan warisan tetapi juga imej dan identiti unik lain seperti aktiviti ekonomi yang khusus yang dapat menarik tumpuan pengunjung luar. Industri kreatif negara secara menyeluruh perlu diperkasakan berasaskan kreativiti dan inovasi melalui penghasilan produk berkualiti serta memartabatkan warisan seni budaya.

Budaya juga dapat dipupuk sebagai salah satu daya tarikan serta kluster ekonomi yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan termasuklah golongan berpendapatan rendah. Industri seni kreatif, kesenian dan warisan dapat diperkembangkan dengan mempelbagaikan aktiviti hiburan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Kementerian Wilayah Persekutuan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Unit Perancang Ekonomi Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Jabatan Muzium Sabah Lembaga Kebudayaan Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Warisan Negara 		

Kotak 5.22 Dimensi Industri Kreatif yang Merangkumi Komponen *Tangible* dan *Intangible*



KI2.3: Mewujudkan Persekitaran Selamat

Dengan kadar perbandaran yang pesat di pusat bandar sedia ada dan petempatan kecil di seluruh negara, persekitaran yang selamat akan meningkatkan daya huni serta meyakinkan komuniti untuk tinggal dan menjalankan pelbagai aktiviti harian. Dalam konteks perbandaran, keselamatan boleh dinilai dari pelbagai aspek iaitu keselamatan diri, keselamatan fizikal dan semula jadi serta keselamatan digital dan infrastruktur. Ketiga-tiga aspek ini memainkan peranan penting dalam menentukan tahap keselamatan bandar dan petempatan. Ia juga membantu dari sudut pemilihan tempat tinggal, kerja dan niaga serta berperanan dalam meyakinkan para pelabur untuk melabur di negara ini.

Keselamatan diri melibatkan keselamatan dari jenayah dan keganasan yang menjadi ukuran utama dalam menilai keselamatan sebuah bandar. Ia memperlihatkan peranan serta kerjasama pihak polis dan pihak awam dalam menangani masalah ini. Faktor kekurangan dan kekerapan kes jenayah atau keganasan menjadi ukuran tahap keselamatan diri.

Keselamatan fizikal adalah selamat dari bencana alam yang memberi impak besar kepada keselamatan penduduk setempat. Bencana alam yang dialami Malaysia termasuklah banjir, tanah runtuh, gempa bumi, tsunami, ribut dan taufan, kebakaran dan juga wabak penyakit. Aspek keselamatan fizikal memerlukan langkah-langkah pengawasan serta pengawalan perancangan dan pembangunan.

Keselamatan digital dan infrastruktur merupakan aspek keselamatan yang juga dinilai oleh kebanyakan bandar di peringkat global. Tahap kualiti infrastruktur memainkan peranan penting bagi memastikan penduduk selamat. Ini termasuklah jalan raya yang berkeadaan baik, sistem pengangkutan yang selamat serta pengekalan kualiti infrastuktur agar tidak menjejaskan keselamatan penduduk. Dalam konteks perbandaran terkini, keselamatan digital dilihat sebagai aspek penting bagi mengawal kecurian identiti, penipuan kewangan, serangan ke atas laman web dan sebagainya. Bandaraya Tokyo and Singapura merupakan dua (2) bandaraya yang paling selamat dari aspek keselamatan digital. Kedua bandaraya ini mementingkan peningkatan aspek keselamatan digital bagi melindungi pihak awam, sektor perniagaan, perbankan dan perdagangan. Dalam menuju ke arah persekitaran aman dan selamat, pendekatan yang holistik dan bersepadu diperlukan. Penglibatan pelbagai sektor dari pelbagai peringkat kerajaan diperlukan bagi menangani ketiga-tiga aspek keselamatan di negara ini.

Kotak 5.23 Aspek Keselamatan

Perbezaan dan jenis-jenis aspek keselamatan membantu komuniti dalam merangka strategi pencegahan jenayah yang memberi tumpuan pada pewujudan kawasan yang selamat untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan serta sokongan dan kerjasama dari pihak berkaitan bagi menjamin kualiti hidup yang lebih selamat.

KESELAMATAN DIRI



KESELAMATAN FIZIKAL



KESELAMATAN DIGITAL DAN INFRASTRUKTUR




Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Kotak 5.24 Indeks Komponen Keselamatan Awam

Indeks ini telah mencatatkan prestasi positif disebabkan usaha bersepadu yang diambil bagi mengurangkan kadar jenayah dan kemalangan jalan raya. Nilai indeks yang meningkat dari 100 pada tahun 2000 telah meningkat ke 128.1 mata menjelang 2012. Antara inisiatif yang telah diambil bagi keselamatan awam ialah dibawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Kadar Jenayah pada tahun 2009.


Prestasi Indeks Komponen Keselamatan Awam

Indeks Keselamatan Awam Tadbir Urus Meningkat dan Menunjukkan Prestasi Positif dengan **kenaikan 28.1 mata** daripada tahun 2000 hingga 2012




Sumber: Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2013

Prestasi Indikator Indeks Komponen Keselamatan Awam



Sumber: Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2013

Sasaran dari Rancangan Malaysia Ke-11



SASARAN 1

Mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam *The World Justice Project Rule of Law* bagi sub indeks keselamatan dan ketenteraman awam daripada tangga ke-12 pada tahun 2014 kepada tangga ke-10 negara paling selamat pada tahun 2020

SASARAN 2

Mengurangkan kadar pengulang laku jenayah daripada 8.1% pada tahun 2014 kepada 5% pada tahun 2020 manakala kadar penagih dadah menurun daripada 37.5% kepada 35%


SASARAN 3

Meningkatkan persepsi rasa selamat daripada 39% pada tahun 2014 kepada 60% pada tahun 2020


SASARAN 4

Mengurangkan indeks jenayah sebanyak 5% setiap tahun


Reka Bentuk Bandar Selamat



Pembangunan yang menghadap jalan



Pembangunan menghadap kawasan lapang / pembangunan bersebelahan



Pencahayaan daripada pelbagai sudut menyediakan tahap pencahayaan yang konsisten

Sumber: AJM Planning and Urban Design Group Sdn. Bhd.

Tindakan KI2.3A

Mencegah jenayah bandar dengan memperkukuhkan semula Program Bandar Selamat dan diintegrasikan dengan pemakaian prinsip reka bentuk persekitaran pencegahan jenayah

Program Bandar Selamat di Malaysia bertujuan untuk mewujudkan alam persekitaran bandar yang lebih selamat dan sebagai inisiatif untuk pencegahan jenayah. Program ini dapat memastikan sesebuah bandar itu dapat mengurangkan kadar kes jenayahnya. Tiga (3) strategi utama telah dikenal pasti iaitu dengan:

1. Mereka bentuk persekitaran fizikal yang selamat;
2. Pengurusan penyertaan komuniti dan kesedaran awam; serta
3. Memperkasakan kawasan sasaran.

Di bawah tiga (3) strategi ini, langkah-langkah segera seperti memperlakokkan pencahayaan, pemasangan CCTV, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor dan memasang cermin keselamatan bagi memastikan keselamatan pejalan kaki dan penduduk terutama pada waktu malam adalah terjamin.

Kotak 5.24 Elemen-elemen Utama dalam Reka Bentuk CPTED

CPTED: Suatu prinsip dan garis panduan yang menekankan pada aspek reka bentuk dan penggunaannya dalam alam bina secara berkesan dapat membawa kepada pengurangan dalam kes jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah dan menghasilkan pembaikan kualiti hidup.

ELEMEN-ELEMEN UTAMA DALAM REKA BENTUK CPTED



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Kementerian Dalam Negeri 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> • Polis Diraja Malaysia • Institut Profesional 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah • Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah • Pihak Berkuasa Tempatan • Persatuan Penduduk
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Negeri • Pihak Berkuasa Tempatan • Persatuan Penduduk 		

Tindakan KI2.3B

Mengandakan program 'Safe Neighbourhood Improvement Area Plan' bagi kawasan perumahan atau kawasan dalam bandar yang merosot dan usang

Mengenal pasti kawasan kejiranan dalam bandar atau pekan yang usang dan mempunyai potensi untuk menjadi kawasan yang tidak selamat. Usaha membaik pulih dan menaik taraf kawasan-kawasan ini akan memberi nafas baharu kepada kawasan tersebut dan menjadikannya lebih selamat. Kerja-kerja tersebut termasuk menaik taraf kawasan awam dan kemudahan sokongan, pembaikan jalan-jalan, parit serta infrastruktur lain.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Dalam Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Agensi Teknikal – Jabatan Perkhidmatan Pembedungan, Jabatan Kerja Raya, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Pemaju Swasta Pemilik tanah 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan 		

Tindakan KI2.3C

Menggunakan sistem teknologi pintar bagi keselamatan awam dan daya tahan bandar atau luar bandar

Keselamatan awam dan daya tahan kawasan terjejas lebih terpelihara dengan menggunakan sistem pengawasan teknologi pintar. Sistem pengawasan ini mampu memantau keadaan keselamatan dengan lebih efisien dan menyeluruh serta membina sistem maklumat yang memantau aset infrastruktur dan kemudahan awam bandar. Pangkalan data adalah berkaitan jangka hayat dan kualiti sistem infrastruktur, bangunan dan kemudahan keselamatan sedia ada di sesuatu bandar. Selain itu, sistem ini memberi amaran awal dan mengintegrasikan pengurusan serta tindakan sebelum, ketika dan selepas berlakunya situasi bencana. Pangkalan data ini memastikan komuniti mendapat akses kepada maklumat dengan lebih cepat dan mudah serta akan lebih bersedia dalam menghadapi sebarang situasi kecemasan.

Kotak 5.26 Smart Community @ Kemaman

Inisiatif *Smart Community* telah diperkenalkan di daerah Kemaman, Terengganu. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan sosio-ekonomi komuniti setempat melalui platform ICT serta akses kepada informasi dengan lebih mudah dan berkesan.

Antara Projek *Flagship* yang dijalankan termasuklah:

- The Flood Management System*
- Hackathon
- Kemaman Open Innovation Lab (KOIL)*
- Dokumentari '*Malaysia's Flood Warrior*'
- Pusat Internet 1Malaysia
- Lifelong Learning*

Program Pendidikan LEGO yang dijalankan dengan tujuan membina pemahaman dan asas kukuh dalam matematik, reka bentuk dan ICT melalui pengalaman dan pendekatan *hands on*. Inisiatif Pusat Internet 1Malaysia ini akan memberi akses jalur lebar di Kemaman dalam pembentukan komuniti pintar.



Sumber: <http://komunitipintar.my>

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Teknikal – Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, Tenaga Nasional Berhad 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan 		

Tindakan KI2.3D

Mengadakan Pelan Kecemasan Bandar dan Pusat Operasi Kecemasan bagi bencana alam dan ancaman keselamatan di setiap bandar dan pekan serta kawasan-kawasan mudah terjejas

Bandar dan pekan perlu menyediakan pelan kecemasan yang membolehkan kawasan-kawasan ini menguruskan situasi kecemasan serta melatih kakitangan dan masyarakat setempat dalam berhadapan dengan sebarang bentuk bencana alam yang telah dijangkakan. Bangunan-bangunan yang boleh terdiri daripada bangunan awam hendaklah dikenal pasti dan akan berfungsi sebagai pusat operasi kecemasan semasa kejadian bencana alam atau sebarang ancaman keselamatan. Pusat Operasi Kecemasan ini akan bertindak sebagai pusat penyelarasan dan komunikasi utama dalam Pelan Kecemasan Bandar ketika berlakunya bencana yang akan memberi kesan signifikan pada bandar-bandar atau pekan.

Pasukan kecemasan juga perlu distrukturkan di mana pelbagai agensi yang terlibat bekerjasama dengan komuniti dalam tindak balas kecemasan agar penyelarasan boleh dilaksanakan ketika berlakunya bencana. Pembentukan komuniti yang berdaya tahan dalam kerjasama ini merupakan tunjang utama dalam memastikan pengurusan efektif dan keberkesanan pelaksanaan dalam situasi kecemasan di kawasan-kawasan mudah terjejas. Pendekatan *bottom-up* ini hendaklah dilaksanakan melalui beberapa sesi perbincangan bersama komuniti bagi memastikan penglibatan secara langsung dalam menentukan peranan serta tindakan komuniti untuk menjadi lebih arif dan responsif dalam menghadapi situasi kecemasan. Kolaborasi bersama institusi dan organisasi berasaskan komuniti juga diperlukan dalam menggerakkan dan mengguna pakai sumber-sumber sedia ada, termasuklah dalam menyediakan akses kepada teknologi dan perkhidmatan bagi menjayakan inisiatif Pelan Kecemasan Bandar dalam kalangan komuniti.



Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kesihatan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Polis Diraja Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Jabatan Ketua Menteri Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Majlis Keselamatan Negara Pihak Berkuasa Tempatan 		

KI2.4: Mengarus Perdanakan Gaya Hidup Sihat dan Bersih

Persekitaran bersih dan komuniti sihat merupakan pencapaian ke arah kehidupan berkualiti dan berdaya huni yang secara langsung memberi keyakinan kepada pelabur dan meningkatkan tahap kompetitif negara. Persekitaran bersih dan komuniti sihat bukan sahaja terhad kepada bebas dari penyakit tetapi juga mencapai satu keadaan yang sempurna dalam aspek fizikal, mental dan kesejahteraan sosial. Ini boleh dicapai melalui penyediaan kemudahan dan infrastruktur kesihatan yang mencukupi dan lengkap, mudah diakses, peningkatan perkhidmatan penjagaan kesihatan ke arah yang lebih berkualiti dan peningkatan kesedaran penduduk terhadap kesihatan. Kemudahan riadah bagi menggalakkan aktiviti sihat di kalangan komuniti juga akan disediakan.

Menjelang tahun 2040, fokus akan diberikan bagi meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti terutamanya bagi kumpulan sasar yang kurang mendapat akses perkhidmatan. Kerjasama antara sektor awam, swasta dan badan-badan bukan kerajaan akan dipergiatkan bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penjagaan kesihatan dan kebersihan. Akses kepada kawasan lapang juga akan dipertingkatkan selain meningkatkan kualiti fasiliti sedia ada supaya lebih relevan dengan keperluan generasi semasa. Tahap kesihatan berkaitan dengan kebersihan kawasan persekitaran akan diberi perhatian termasuklah dalam usaha memajukan dan memulihkan kawasan-kawasan yang mundur, kotor dan terbiar.

Kotak 5.28 Contoh Program 'Community in Bloom' di Singapura

Penyertaan komuniti dalam projek-projek berkebun di tapak persendirian, sekolah, mahupun taman awam di hospital. Taman-taman ini dikendalikan sendiri oleh komuniti yang terdiri daripada masyarakat setempat, pelajar, kakitangan awam dan sukarelawan di setiap kawasan. Program *Adopt-a-Park* dan *Park Watch* memberi peluang kepada sukarelawan untuk melibatkan diri dalam anjuran aktiviti komuniti seperti guided walks serta persembahan kesenian dan kebudayaan di taman rekreasi ini.



Pewujudan taman-taman kecil dan taman-taman poket yang dikendalikan oleh komuniti setempat



Persembahan kesenian dan kebudayaan yang diadakan secara berkala di taman-taman rekreasi



Peluang bagi komuniti turut serta dalam menghijaukan tanah lapang

Sumber: www.mnd.gov.sg

Tindakan KI2.4A

Menggalakkan usaha mengurangkan pencemaran udara di bandar

World Health Organization (WHO) merekodkan 3.7 juta kematian pada tahun 2012 adalah berpunca daripada kualiti udara yang semakin menurun dan tidak mencapai tahap garis panduan yang ditetapkan. Antara faktor peningkatan pencemaran udara termasuklah pembakaran terbuka, kebergantungan yang tinggi kepada bahan api fosil, penggunaan kenderaan persendirian, penggunaan tenaga yang tidak cekap dalam bangunan, penggunaan bio-jisim dan lain-lain lagi. Usaha meningkatkan kualiti udara bagi mengurangkan risiko pada kesihatan awam akan dilaksanakan melalui beberapa tindakan mitigasi yang telah disarankan WHO. Ini termasuklah menggalakkan *active transport* dan memberi keutamaan kepada penyediaan infrastruktur pengangkutan awam dalam bandar, kemudahan untuk berbasikal dan berjalan kaki yang selamat dan selesa dalam kawasan bandar. Selain itu, pelepasan karbon dari kenderaan dapat dikurangkan melalui peningkatan tahap piawaian yang mampu meningkatkan tahap kualiti udara.

Perancangan pintar (*smart planning*) dan pembangunan padat di kawasan bandar yang memberi galakkan kepada aktiviti berjalan kaki juga akan memanfaatkan sumber serta penduduk sedia ada dalam pelaksanaan pembentukan persekitaran bersih dan sihat. Tindakan yang lebih spesifik termasuklah *proximity planning* di mana perancangan kawasan kejiranan mengintegrasikan perumahan dengan perkhidmatan asas bagi mengurangkan jarak perjalanan dalam aktiviti seharian dan di sekitar nod transit pengangkutan awam di bandar dan pinggir bandar. Kualiti udara dalam bangunan juga dapat dipertingkatkan melalui reka bentuk bangunan yang lebih efisien dan mampan. Konsep tebatan yang lebih cekap dan pengudaraan semula jadi mampu mengurangkan penggunaan tenaga serta mengawal suhu dan kualiti udara dalam bangunan. Tindakan mitigasi ini secara tidak langsung akan membantu dalam mewujudkan persekitaran yang bersih dan meningkatkan kesihatan awam.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesihatan Malaysia Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Alam Sekitar Pihak Berkuasa Tempatan 		

Tindakan KI2.4B

Memajukan semula kawasan-kawasan usang dan terbiar

Kawasan-kawasan mundur, kotor dan terbiar di dalam bandar yang strategik perlu dipulihkan melalui beberapa langkah. Langkah yang paling asas, mudah dan murah adalah pembersihan kawasan dengan kerjasama di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti setempat. Kawasan tersebut digalakkan untuk dibangunkan semula bagi kegunaan yang lebih sesuai. Pemilik boleh diberikan insentif termasuk pengurangan caj, yuran pembangunan dan sebagainya. Langkah lain yang boleh dilaksanakan adalah penggunaan tanah melalui penyewaan sementara bagi tujuan komersial, tempat letak kereta, pameran, kebun komuniti dan sebagainya.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan 		

KI3

Keterlibatan dan Kolaborasi Komuniti

Dalam mencapai kesejahteraan komuniti, tadbir urus kerajaan perlu dipertingkatkan agar selari dengan perkembangan masyarakat yang memerlukan ketelusan, keterbukaan dan perkongsian maklumat

Peningkatan tahap tadbir urus penting di peringkat kerajaan tempatan kerana perhubungan dengan komuniti setempat adalah lebih kerap dan erat. Skop perkhidmatan kerajaan tempatan serta jabatan-jabatan di peringkat daerah perlu diperluas dan diperbaiki terutama dalam mendokong aspirasi membentuk masyarakat inklusif. Ini termasuklah memastikan persekitaran kehidupan berkualiti dan berdaya huni, mewujudkan tempat bagi memupuk *'sense of belonging'* dan perpaduan komuniti selain memastikan golongan miskin, isi rumah B40 serta golongan mudah terjejas disokong dan diberi akses kepada keperluan asas termasuk pelajaran dan pekerjaan dengan seadilnya.

Oleh itu, sistem tadbir urus sedia ada perlu dipertingkatkan supaya lebih inklusif dan responsif. Aspek penting dalam tadbir urus inklusif adalah penglibatan awam yang perlu diteruskan dan diperluaskan. Penglibatan awam merujuk kepada penglibatan dan interaksi masyarakat dalam pelbagai aktiviti seperti kesukarelaan, menderma dan penglibatan dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Penglibatan awam dipengaruhi oleh faktor antaranya rangkaian sosial, semangat kekitaan dan tahap kepercayaan.



Pada masa ini, indikator penglibatan awam menunjukkan peningkatan mata seperti mana yang ditunjukkan dalam Indeks Tadbir Urus, iaitu satu sub komponen dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Kenaikan mata ini disumbangkan oleh kenaikan dalam bilangan badan-badan bukan bermotifkan keuntungan yang berdaftar, bilangan persatuan penduduk yang berdaftar, keahlian RELA dan RakanCop serta peratus pendaftaran pengundi. Peningkatan dalam penglibatan awam menunjukkan kesedaran di kalangan komuniti dalam berkongsi tanggungjawab melaksanakan pembangunan dan perkhidmatan untuk kesejahteraan serta kemajuan sejagat. Peningkatan dalam penglibatan awam juga menunjukkan tahap kesedaran masyarakat yang semakin tinggi mengenai kepentingan peranan pertubuhan dan persatuan sebagai perantara untuk menyalurkan pendapat dan kehendak mereka secara lebih kolektif dan teratur. Di samping itu, ia turut menjelaskan kesanggupan individu untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial termasuk bekerjasama untuk memastikan persekitaran masyarakat yang selamat.



HALA TUJU STRATEGIK K3 KETERLIBATAN DAN KOLABORASI KOMUNITI

KI3.1 **Mempergiatkan Penglibatan Komuniti**

KI3.2 **Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Pintar dalam Pembangunan Komuniti**

Kotak 5.29 Contoh Penglibatan Komuniti dalam Projek Pembangunan Kawasan

Pelaksanaan Hari Terbuka merupakan salah satu kaedah yang melibatkan orang awam untuk bersama-sama dalam menangani isu-isu, membincangkan tindakan-tindakan serta memberi cadangan yang akan membawa kepada perubahan positif dalam pembangunan kawasan dan komuniti setempat. Kolaborasi ini melibatkan interaksi dua hala bagi mencapai matlamat dan faedah bersama.



Komuniti Labuan hadir di *Open Day* untuk memberi pandangan dan cadangan bagi Blueprint Pembangunan Labuan



Komuniti Kampung Bharu melibatkan diri dalam projek Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampung Bharu

Sumber: AJM Planning and Urban Design Group Sdn. Bhd.

KI3.1: Mempergiatkan Penglibatan Komuniti

Penglibatan awam kebanyakannya tertumpu dalam aktiviti sosial terutama dalam memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan. Dalam urusan pentadbiran, masyarakat tempatan terlibat dengan proses perancangan semasa dokumen perancangan dipublikasikan kepada orang-orang awam untuk memberi maklumbalas mengenai cadangan pembangunan di atas tanah-tanah milik mereka dan di kawasan sekitar tanah milik mereka. Dalam sesetengah rancangan pembangunan, komuniti tempatan turut dijemput memberi pandangan mengenai sesuatu cadangan kemajuan melalui sesi perbincangan kumpulan berkepentingan terutamanya bagi projek-projek infrastruktur yang memberi impak besar kepada penduduk.

Pada masa hadapan, skop penglibatan awam perlu dipertingkatkan dan diperluaskan dalam proses perancangan. Sesi perbincangan kumpulan berkepentingan perlu diperbanyakkan meliputi proses kebenaran merancang projek-projek pembangunan bandar mega, pembangunan koridor ekonomi, pembangunan semula sesuatu kawasan dan tidak hanya tertumpu kepada projek infrastruktur mega seperti BRT, MRT dan LRT. Komuniti setempat juga perlu dilibatkan dalam membangunkan projek-projek komuniti dan projek-projek pewujudan tempat seperti peningkatan kawasan taman dan rekreasi, peningkatan keceriaan dan kebersihan pasar awam serta penyelenggaraan blok perumahan dan kawasan kejiranan masing-masing. Komuniti juga perlu digalakkan untuk menubuhkan koperasi atau persatuan yang boleh menjalankan perkhidmatan pusat penjagaan dan asuhan kanak-kanak dan warga tua serta pelbagai aktiviti sosial lagi.

Selari dengan pencapaian tadbir urus inklusif, komuniti setempat digalakkan untuk bersama-sama dengan agensi kerajaan di peringkat daerah dalam membantu dan memberi sokongan moral, kewangan dan khidmat nasihat bagi golongan miskin dan golongan mudah terjejas dalam mempertingkatkan kedudukan kewangan mereka. Dalam konteks ini, badan-badan bukan kerajaan, persatuan penduduk serta persatuan penduduk digalakkan untuk mengadakan pusat tuisyen secara percuma kepada anak-anak dari isi rumah miskin dan yang tinggal di luar bandar.

Tindakan KI3.1A

Meluaskan penglibatan awam dalam proses perancangan di peringkat tempatan

Penglibatan awam dicadangkan untuk diperluaskan meliputi projek-projek pembangunan bandar mega, pembangunan semula bandar, projek penambakan laut dan projek pengangkutan awam. Penglibatan awam perlu dipertingkatkan melalui lebih banyak sesi perbincangan kumpulan berkepentingan, forum penduduk, kajian persepsi penduduk bagi mendapat maklum balas mengenai sesuatu perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dan juga perkhidmatan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Wilayah Persekutuan 	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Pihak Berkuasa Tempatan Persatuan Penduduk Badan Bukan Kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk
Agensi Melaksana		
<ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan 		

KI3.2: Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Pintar dalam Pembangunan Komuniti

Bagi memastikan kolaborasi yang efektif, sistem sedia ada perlu ditambah baik dengan mengambil kira respon dan maklum balas komuniti. Saluran maklum balas komuniti daripada penyertaan awam akan diperluaskan meliputi sesi perbincangan kumpulan berkepentingan, forum penduduk serta kajian persepsi. Berdasarkan maklum balas komuniti, Pihak Berkuasa Tempatan digalakkan untuk mengkaji semula dokumen-dokumen perancangan dan pembangunan sedia ada secara berperingkat supaya dokumen ini lebih relevan.

Jangka masa perancangan selama 20 tahun adalah baik bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara terkawal dan mampan tetapi langkah-langkah serta tindakan bagi mencapai visi 20 tahun perlu dikaji semula secara berkala supaya lebih menepati keperluan semasa. Ini boleh mempertingkatkan penggunaan dokumen perancangan sebagai dokumen rujukan pembangunan utama. Perancangan serta program pelaksanaan perlu mempunyai sasaran dan boleh diukur tahap pencapaiannya. Ini membolehkan setiap tindakan serta pelaksanaan dapat dikesan pencapaiannya dan dapat diubah dengan segera dengan pendekatan yang lebih tersasar jika pencapaian tidak memuaskan. Sesuatu tindakan serta inisiatif perlu berorientasikan 'outcome' dan mempunyai jangka masa sasaran dan pencapaian yang spesifik.

Selari dengan usaha menerapkan kolaborasi dan perkongsian pintar, skop perkhidmatan kerajaan turut diperluaskan dalam membentuk masyarakat inklusif. Ini termasuklah memperluaskan skop kerja jabatan sosial yang akan bekerjasama dengan jabatan-jabatan di peringkat daerah dalam menyalurkan bantuan dan sokongan kepada isi rumah miskin dan golongan mudah terjejas. Dalam mempertingkatkan tadbir urus di peringkat tempatan agar lebih responsif dan proaktif dengan keperluan dan kehendak pelabur, panel pakar dalam bidang-bidang tertentu yang bersesuaian dengan kehendak setempat dicadangkan untuk diwujudkan di pihak berkuasa tempatan terutama sekali yang terlibat dengan koridor pembangunan ekonomi.

Tindakan KI3.2A

Memperkasakan kerjasama di antara Pihak Kerajaan Tempatan dan komuniti dalam pembangunan projek komuniti

Pemimpin tempatan digalakkan untuk bekerjasama dengan badan bukan kerajaan dan masyarakat untuk menganjurkan program kesedaran kepada masyarakat setempat mengenai tanggungjawab membayar sewa, mencegah vandalisma dan memastikan penyenggaraan perumahan. Masyarakat akan bekerjasama dengan polis dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pencegahan jenayah dan vandalisma di kawasan kejiranan masing-masing.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kementerian Wilayah Persekutuan 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Pejabat Daerah dan lain-lain jabatan peringkat daerah 	Agensi Sokongan <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah Pihak Berkuasa Tempatan Badan Bukan Kerajaan Persatuan Penduduk
Agensi Melaksana <ul style="list-style-type: none"> Pihak Berkuasa Tempatan Persatuan Penduduk Badan Bukan Kerajaan 		

Indikator Pelaksanaan Teras 3

Secara amnya, sembilan (9) strategi dalam Teras 3 akan diukur oleh indikator yang dikenal pasti. Indikator ini adalah satu instrumen utama yang akan digunakan untuk memantau keberkesanan pembangunan komuniti inklusif dalam usaha menuju ke arah komuniti sejahtera yang bersepadu, produktif dan progresif. Agensi melaksana dan memantau selaku pembekal data kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia untuk tujuan proses pemantauan.

Strategi	Indikator
PERSEKITARAN BERKUALITI DAN BERDAYA HUNI	
KI1.1 Menyediakan Perumahan yang Sesuai di Lokasi yang Sesuai	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan rumah mampu milik terletak di kawasan bandar/perbandaran
KI1.2 Meningkatkan Akses kepada Kemudahan Masyarakat Berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan kawasan bagi tujuan kemasyarakatan
KI1.3 Meningkatkan dan Memudahkan Akses kepada Ruang Pekerjaan dan Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam pekerjaan / peniagaan Aktiviti pembangunan bercampur yang lebih seimbang dalam kawasan bandar Kawasan perumahan di zon pekerjaan Penyediaan sistem transit yang berkesan Jarak laluan basikal dan pejalan kaki
PERSEKITARAN KOMUNITI BERDAYA HUNI	
KI2.1 Menjadikan Ruang Awam sebagai Ruang Aktif Integrasi Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> Peratus peningkatan penyediaan kawasan hijau Penyediaan kawasan hijau / laluan hijau Pelan Tindakan Pewujudan Tempat (<i>placemaking</i>) Bangunan dan ruang awam dalam kawasan bandar sebagai kawasan tumpuan
KI2.2 Memperkuhkan Kepentingan Budaya dan Warisan	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Pelan Pemetaan Warisan Festival kebudayaan yang dianjurkan Bilangan rumah ibadat yang dilindungi dan dipelihara
KI2.3 Mewujudkan Persekitaran Selamat	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan Pelan Kecemasan Bandar di Pihak Berkuasa Tempatan dan Pusat Operasi Kecemasan Kadar jenayah
KI2.4 Mengarusperdanakan Gaya Hidup Sihat dan Bersih	<ul style="list-style-type: none"> Tahap kualiti alam sekitar di kawasan luar bandar yang berhampiran kawasan perlombongan. (Perlu nyatakan radius kawasan berhampiran)
KETERLIBATAN DAN KOLABORASI KOMUNITI	
KI3.1 Mempergiatkan Penglibatan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program bersama masyarakat yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
KI3.2 Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Pintar dalam Pembangunan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan forum terbuka dan sesi '<i>Peer Review</i>' dalam semua pembangunan dan perancangan Bilangan program bersama masyarakat yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan